


**Jilid III
Bil. 7**



**Hari Rabu
30hb Mac, 1977**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 745]**

USUL-USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 786]**

Urusan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 829]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATUK HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat** Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan,
TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI
ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING
(Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

- Yang Berhormat** TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- Yang Berhormat DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.**
(Ulu Trengganu).
- .. **TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.,**
P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- .. **DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N.**
(Jerlun-Langkawi).
- .. **RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).**
- .. **TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).**
- .. **TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).**
- .. **TUAN OH KENG SENG (Petaling).**
- .. **TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.**
(Kuala Kangsar).
- .. **TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).**
- .. **TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).**
- .. **TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).**
- .. **TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).**
- .. **TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).**
- .. **TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).**
- .. **TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).**
- .. **DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).**
- .. **TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).**
- .. **DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.**
(Baling).
- .. **TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).**
- .. **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).**
- .. **TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).**
- .. **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- .. **TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).**
- .. **WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).**
- .. **TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).**
- .. **TUAN SU LIANG YU (Beruas).**
- .. **DR TAN CHEE KHOON (Kepong).**
- .. **TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).**
- .. **DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).**
- .. **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- .. **TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).**
- .. **TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).**
- .. **DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).**
- .. **TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.**
(Ulu Muda).
- .. **TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.**
(Pasir Mas).
- .. **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- .. **TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 30hb Mac, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**LAWATAN PERDANA MENTERI
KE LIBYA**

1. Wan Zainab binti M. A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau ke Libya dan peremuannya dengan Presiden Muamar Gaddafi terutama dalam lapangan perdagangan dan ekonomi.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat telahpun saya jawab di Dewan ini. Lawatan saya ke Libya itu telah memberi peluang bagi saya merapatkan lagi hubungan tali persahabatan dengan pemimpin-pemimpin Libya terutama Presiden Muamar Gaddafi dan Perdana Menteri Jalloud. Dalam perjumpaan saya dengan mereka, beberapa perkara telah dibincangkan, terutama sekali perkara-perkara yang menyentuh perhubungan antara Malaysia dengan Libya. Di dalam perbincangan itu juga saya telah bertukar fikiran mengenai keadaan dunia sekarang, Asia Barat dan Asia Tenggara.

Tiga perjanjian kerjasama telah ditandatangani dengan Libya, iaitu:

- (a) Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Sainifik dan Teknikal;
- (b) Perjanjian Kebudayaan;
- (c) Perjanjian Perdagangan.

Adalah dijangkakan dengan adanya perjanjian-perjanjian itu akan bertambah lagi kerjasama di dalam bidang-bidang ekonomi,

saintifik, teknikal dan kebudayaan dan juga kemungkinan bertambahnya perdagangan di antara Malaysia dan Libya.

Dalam hubungan ini sukalah saya memaklumkan bahawa Menteri Luar Negeri, Tengku Ahmad Rithauddeen telahpun berlepas ke Tripoli, Libya pada 28hb Mac yang lalu untuk mengadakan perundingan-perundingan selanjutnya, khususnya mengenai pinjaman soft loan sebanyak US\$10 juta untuk membiayai projek-projek dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan juga mengenai cadangan untuk mengadakan bank bersama dan syarikat perdagangan bersama.

**AKTA MEMBAHARUI UNDANG-
UNDANG (PERKAHWINAN DAN
PERCERAIAN), 1976**

2. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, bilakah "Marriage Reform Bill", bagi wanita-wanita bukan Islam dilaksanakan. Ini adalah memandangkan Akta yang tersebut telah diluluskan oleh Parlimen dalam tahun 1975, dan juga telah diwartakan di dalam *Warta Kerajaan* keluaran bulan April.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976 belum dapat dilaksanakan lagi oleh sebab didapati beberapa pindaan perlu diperbuat kepada Akta tersebut. Adalah dipercayai bahawa dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan itu pelaksanaan Akta tersebut akan dapat berjalan dengan lebih sempurna dan berkesan lagi. Akta tersebut akan dilaksanakan sebaik-baik sahaja pindaan-pindaan yang dicadangkan itu dipertimbang dan diluluskan oleh Parlimen dan juga setelah disediakan segala kaedah-kaedah yang diperlukan untuk melaksanakan Akta itu.

PENGEMIS DAN ORANG-ORANG TUA

3. Tuan Hashim bin Ghazali (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) bilangan pengemis-pengemis yang lari dari pusat-pusat pemulihan di seluruh negara setakat 31hb Disember, 1976;
- (b) samada mereka telah ditangkap semula dan apakah hukumannya; dan
- (c) samada beliau sedar bahawa kekurangan kegiatan-kegiatan riadah dan rekreasi di pusat-pusat tersebut adalah menyebabkan penghuni-penghuninya lari, jika ya, apakah tindakan beliau bagi mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick Anek Uren): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di dalam tahun 1976 iaitu sehingga 31hb Disember, seramai 40 orang pengemis telah lari dari rumah-rumah tersebut yang cuma mempunyai pagar rendah sahaja ataupun tidak berpagar langsung. Ini bermakna bahawa hanya kurang dari 5 orang dari sebuah rumah telah lari dalam tempoh setahun iaitu di laman buah rumah orang-orang tua dan rumah pengemis di Mersing iaitu di bawah pentadbiran Kementerian Kebajikan Am.
- (b) Di antara 40 orang yang telah lari dalam tahun 1976 5 orang telah ditangkap semula dan dihukum. Hukuman yang dikenakan adalah berupa menarik balik keistimewaan yang diberi upama wang kocek, menuntun wayang dan TV dan tidak dibenarkan keluar dari kawasan yayasan untuk tempoh yang tertentu.
- (c) Anggapan bahawa kerana kekurangan kegiatan-kegiatan riadah dan rekreasi di rumah-rumah tersebut menyebabkan mereka lari adalah tidak benar sama sekali. Yayasan-yayasan di bawah Kementerian ini mengadakan rawatan asuhan (*diversional therapy*) seperti pertukangan kayu, pertanian, ternakan binatang hidupan, jahitan, menggunting rambut dan membuat bakul daripada rotan dan buluh. Tiap-tiap pusat juga menyediakan kemudahan-kemudahan rekreasi termasuk permainan-permainan

dalam seperti catur, karom, mahjong dan menuntun TV. Selain daripada itu mereka juga diberi peluang untuk pergi bersiar-siar dan berkelah.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soal tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan mengatakan di dalam soalan 3 (c) bahawa tuduhan yang mengatakan mereka itu lari adalah kerana kekurangan rekreasi dan sebagainya tidak benar. Jika tidak benar, apakah yang benar kerana di dalam jawapan Yang Berhormat tadi ada mengatakan di dalam jawapan 3 (a) bahawa pagar di kawasan khemah itu adalah rendah atau tidak berpagar langsung. Adakah kerana pagar mereka-mereka ini lari?

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat itu ada juga kemungkinan pelarian mereka daripada pusat itu disebabkan oleh pagar yang rendah tetapi sekarang Kementerian ini telah meluluskan Akta baharu iaitu Akta Orang-orang Papa Tahun 1976. Ini untuk melengkapkan Kementerian ini dalam masalah pengemis. Saya harap apabila dilaksanakan nanti soal ini tidak timbul lagi.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kementerian mengadakan pusat-pusat pemulihan pengemis-pengemis ini adalah kerana untuk melihat supaya mereka ini menjadi berguna kepada masyarakat. Dengan adanya bilangan 40 orang lari daripada Pusat-pusat tersebut dan sekarang dengan jawapan-jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak mengetahui sebenarnya sebab-sebab itu, maka bolehkah Setiausaha Parlimen mengumumkan di dalam Dewan yang mulia ini samada satu kajian dibuat untuk menentukan sebab-sebab mereka lari supaya diperbaiki di situ.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini telahpun mengambil butir-butir dan sebab-sebabnya mereka lari dari Pusat ini tetapi untuk menghuraikan sekarang tidaklah perlu. Perkara ini memangnya satu perkara yang rumit dan itulah sebabnya difikirkan perlu untuk mengadakan Akta yang baharu yang lebih lengkap lagi seperti yang saya sebutkan tadi. Akta Kuturayau 1965 nampaknya tidak begitu lengkap untuk dikuatkuasakan terhadap masalah pengemis ini.

GURU-GURU ILMU HISAB DAN SAINS

4. Tuan Mak Hon Kam (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan apa kategori guru-guru terlatih dan berkelayakan yang berkurangan, dan apa langkah-langkah sedang diambil supaya mengatasi kekurangan itu. Bolehkah Menteri menyatakan program untuk latihan guru-guru itu dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang adanya kekurangan guru-guru yang terlatih di negara ini. Walau bagaimanapun, kekurangan ini bukanlah meliputi semua matapelajaran tetapi hanya dialami bagi mata-pelajaran tertentu sahaja seperti Ilmu Hisab dan Sains. Untuk mengatasi kekurangan guru-guru yang mengajar di Sekolah-sekolah Menengah Rendah, Kementerian Pelajaran telah dan sedang mengambil langkah-langkah positif yang berikut:

- (a) Memperbesarkan Maktab-maktab Perguruan yang telah sedia ada dengan menambah bilik-bilik kuliah dan kemudahan tempat tinggal di asrama.
- (b) Dalam tahun 1976, 4 buah pusat latihan Sementara telah didirikan. Pusat-pusat Sementara ini akan dipindahkan ke 4 buah Maktab Perguruan baru yang dijangka siap pembinaanya dalam Rancangan Malaysia Ketiga.
- (c) Menubuhkan sebuah Maktab Perguruan baru iaitu Maktab Perguruan Islam pada tahun ini.
- (d) Menambah bilangan pensyarah di semua Maktab.
- (e) Menjalankan kursus latihan perguruan dalam masa cuti bagi guru-guru sementara yang mengajar di Sekolah Menengah Rendah mulai tahun ini.

Dengan langkah-langkah tersebut, lebih ramai pelatih untuk menjadi guru-guru di peringkat Sekolah Menengah Rendah telah dapat diambil untuk mengatasi kekurangan yang terdapat di Sekolah-sekolah di peringkat tersebut.

Di peringkat Menengah Atas langkah-langkah berikut telah diambil dan akan diteruskan:

- (i) Mengadakan Kursus Diploma Sains dengan Pendidikan di Universiti Pertanian dan Universiti Teknologi.

- (ii) Memulakan Kursus Ijazah bagi guru-guru terlatih Ilmu Sains dan Hisab di Universiti Pertanian untuk menambahkan bilangan guru-guru jenis ini di peringkat menengah atas.
- (iii) Menambahkan pengambilan bilangan guru-guru Ilmu Sains dan Hisab bagi Kursus Diploma Pendidikan.
- (iv) Mengambil guru-guru kontrek dari Indonesia.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan, apakah tindakan Kementerian beliau ambil untuk mengadakan guru-guru yang dapat latihan dalam Bahasa Kebangsaan kepada sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kursus-kursus dalam perkhidmatan yang mana kita dari masa ke masa memberikan latihan, pengambilan untuk kursus di dalam latihan guru mereka adalah diberikan keutamaan di dalam Bahasa Malaysia supaya mereka boleh dapat lebih fasih, lebih lengkap dan lebih maju dalam Bahasa Malaysia ini. Jadi inilah langkah-langkah yang akan diambil kepada guru-guru daripada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan China dan Tamil. Kita berharaplah selain daripada kemudahan-kemudahan dan tunjuk ajar daripada pusat-pusat latihan dan juga kursus-kursus masa cuti atau dalam perkhidmatan ini, mereka sendiri mesti berusaha sedaya-upaya supaya boleh dapat lebih lengkap dan lebih fasih dalam Bahasa Malaysia.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri sedar banyak Sekolah Rendah Kebangsaan di tiap-tiap kampung pendalaman tidak mencukupi guru-guru dalam bahasa Inggeris. Adakah satu tindakan daripada Kementerian beliau untuk mengadakan lebih guru-guru yang dapat latihan dalam bahasa Inggeris ke sekolah-sekolah Kebangsaan di dalam kampung-kampung yang ada sekolah.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tadi pertanyaan ini berkaitan dengan Bahasa Malaysia, tetapi sekarang dengan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, perhatian telah diberi oleh

Kementerian Pelajaran dan kita sentiasa mengambil perhatian supaya selain daripada Bahasa Malaysia yang mesti dilengkapkan, tetapi bahasa Inggeris sebagai satu bahasa dunia, kita mengambil perhatian supaya murid-murid kita supaya dapat fasih bahasa Inggeris itu.

PEPERIKSAAN MCE/SPM

5. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan sijil SPM akan menggantikan sijil MCE dalam beberapa tahun akan datang ini, samada sijil tersebut akan diiktirafkan oleh negara-negara asing sebagai paspot kepada institut-institut pelajaran tinggi di negara-negara Komenwel dan juga di negara-negara lain.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang sewajarnya telah dan sedang diambil di dalam dan di luar negeri untuk memelihara taraf keutuhan Peperiksaan MCE setelah pengelolaan peperiksaan tersebut diambilalih sepenuhnya sebagai dasar oleh Kerajaan Malaysia daripada pihak Cambridge mulai tahun 1978. Kerjasama dalam bidang tertentu dengan pihak Cambridge dan badan-badan peperiksaan dunia akan dikekalkan dan dipergiatkan selepas 1978. Calon-calon SPM yang bercadang melanjutkan pelajaran ke luar negeri akan diberi kemudahan-kemudahan untuk mengambil kertas Bahasa Inggeris yang sesuai bagi tujuan tersebut. Selagi taraf peperiksaan yang baik dapat dikekalkan dan kelayakan Bahasa Inggeris yang sesuai dapat dicapai oleh pelajar-pelajar kita, soal melanjutkan pelajaran tinggi di luar negeri tidak diduga menimbulkan masalah.

MUTU BARANG-BARANG

6. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Pegawai Penguatkuasa harga barangan telah benar-benar meneliti mutu bahan jualan tersebut di tempat mengeluarkan sebenarnya ataupun mengesahkannya di pintu tempat pengeluaran sahaja melalui contoh yang telah disediakan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab menentukan mutu-mutu barang-barang

yang dikeluarkan oleh kilang-kilang ialah sebenarnya tanggungjawab Pusat Penyelidikan Piawai Malaysia (SIRIM). Walau bagaimanapun, adalah juga menjadi tanggungjawab pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menyiasat terhadap aduan-aduan terhadap mutu barang-barang jika mereka menerima aduan daripada orang ramai. Aduan-aduan tersebut akan dirujuk kepada Pusat Penyelidikan Piawai Malaysia untuk mendapatkan kepastian samada aduan itu benar ataupun sebaliknya. Tindakan undang-undang akan di ambil jika didapati bahawa mutu barang-barang tersebut tidak menepati seperti yang dikatakan.

MUTU PERMAINAN PESERTA-PESERTA MALAYSIA

7. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sebab-sebab mutu permainan yang rendah yang ditunjukkan oleh peserta-peserta kita di pertandingan-pertandingan antarabangsa dan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki mutu peserta-peserta yang kian merosot supaya rakyat Malaysia boleh dianggap sebagai aktif dalam bidang sukan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut sangat umum. Sebenarnya, prestasi ahli-ahli sukan kita adalah turun-naik dan ini bergantung kepada berbagai faktor yang mempengaruhinya pada sesuatu masa. Kadang-kadang mereka dapat menunjukkan mutu yang tinggi dan kadang-kadang sebaliknya. Oleh itu tidaklah boleh mengatakan secara umumnya mutu prestasi kita rendah. Dari masa ke semasa telah lahir peserta yang berkebolehan teristimewa dan dengan dedikasi dan latihan yang sempurna mereka boleh mencapai prestasi terkanan.

Kebolehan menjadi jaguh bukan sahaja bergantung kepada latihan atau dedikasi, tetapi lebih-lebih lagi kebolehan istimewa seseorang peserta sendiri. Untuk meninggikan mutu sukan pemain-pemain kita, Kementerian saya telah mengadakan rancangan-rancangan untuk menumpukan bakat dan minat ahli-ahli sukan diberi latihan yang sistematik dan bimbingan sepanjang masa oleh jurulatih-jurulatih yang berpengalaman. Bakat-bakat

muda telah mula diberi latihan yang betul untuk menyediakan pemain muda yang berbakat dan berkalibar.

Mulai tahun 1974 klinik-klinik latihan telah diadakan dan kompleks-komplek pelbagai guna untuk menggalak dan memberi peluang kepada mereka yang berminat untuk berlatih sepanjang masa. Latihan itu diberi oleh jurulatih dan instructor yang berpengalaman. Sebagai rancangan jangka panjang mulai tahun 1971 ahli-ahli sukan muda yang telah berjaya dalam pertandingan-pertandingan peringkat tempatan, negeri atau negara dipilih untuk menyertai latihan yang terkanan sekali. Tujuan utama ialah untuk melatih mereka dengan teknik bermain yang lebih maju dan intensive, mereka dapat bergaul dan memerlukan kebolehan rakan-rakan yang terkanan. Untuk sementara ini cuma dapat dijalankan tiga jenis sukan iaitu hoki, badminton dan bolasepak. Tambahan pula untuk mendapatkan kejayaan yang cemerlang di pertandingan-pertandingan antarabangsa Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan supaya pusat-pusat latihan diadakan dan juga membantunya dengan bantuan wang bagi menyediakan pasukan-pasukan kebangsaan ke pertandingan-pertandingan antarabangsa. Rancangan ini sekarang diadakan dengan bergantung kepada keadaan kewangan di Kementerian saya.

PENYAKIT POKOK GETAH

8. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada Menteriannya telah berjaya mengatasi masalah penyakit-penyakit yang kena kepada pokok-pokok getah samada penyakit akar atau penyakit batang, dan adakah Menteriannya memberi kemudahan kepada orang ramai bagi mengubati pokok getah mereka yang kena penyakit.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya melalui ajensinya iaitu Pusat Penyelidikan Getah Malaysia dan RISDA telah berjaya mengatasi masalah penyakit-penyakit pokok getah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Mereka sentiasa bersedia menghadapi apa-apa kemungkinan dalam hal ini.

Mengenai kemudahan kepada orang ramai, ingin saya jelaskan bahawa perkhidmatan yang diberikan adalah berupa perkhidmatan nasihat serta tunjuk ajar mengenai cara-cara mengatasi penyakit-penyakit itu. Bahagian Perkhidmatan PPGM ada menempatkan pejabatnya di beberapa kawasan dan pegawai-pegawainya akan memberi bantuan dalam apa-apa masalah yang dihadapi oleh perusahaan getah pada amnya. Umpamanya sebagai satu lagi langkah untuk menambah kemudahan dan memperhebat usaha mencegah penyakit dalam daun "phytophthora", PPGM akan mendirikan sebuah pejabat kecil di Pulau Langkawi dalam tahun ini.

Bagi sektor estet perkhidmatan nasihat bolehlah didapatkan secara langsung daripada PPGM atau pun pejabat-pejabat wilayahnya. Sementara itu, bagi pihak pekebun kecil pula, bantuan seperti ini bolehlah didapati melalui pejabat RISDA yang berdekatan dengan kawasan-kawasan terlibat. Pihak PPGM bekerja sama rapat dengan RISDA bagi membantu pekebun-pekebun kecil mengatasi masalah penyakit-penyakit pokok dan memberi nasihat-nasihat mengenai jenis kimia dan cara penggunaannya untuk membasmi penyakit berkenaan.

Di peringkat Kementerian pengawasan yang rapi sentiasa diadakan supaya kegiatan Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (PPGM) dan RISDA dapat diselaraskan dengan berkesan terutamanya apabila penyakit-penyakit tersebut berlaku dengan berleluasa.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan tadi mengatakan Menteriannya berjaya mengubati penyakit-penyakit yang saya maksudkan dalam soalan saya ini. Apa yang saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa kejayaan yang disebutkan itu di manakah yang dapat dibuktikan, sedangkan pokok-pokok getah yang terkena penyakit sejak daripada dahulu lagi yang ditanggung oleh pekebun-pekebun kecil masih belum terubat ataupun nasihat-nasihat yang diberi sehingga ini masih belum nampak kesan-kesannya, khususnya pekebun-pekebun kecil di Pantai Timur. Adakah Kementerian ini pernah mengarahkan supaya pegawai-pegawai yang berkenaan ini menyelidik sejauh mana penyakit-penyakit ini yang terkena dan dapat diubati khususnya di Pantai Timur.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya pegawai daripada PPGM (RRI) sentiasa mengawasi apabila penyakit-penyakit getah ini terdapat di satu-satu kawasan dan selalunya pegawai-pegawai RRI itu memberi nasihat ataupun tunjuk ajar bagaimana kita boleh mengatasi masalah atau penyakit-penyakit itu. Barangkali ada sebahagian daripada pekebun-pekebun kecil itu dalam masa pokok getah itu tumbang untuk ditanam semula tidak dapat membuang atau membakar pokok getah itu dengan sempurna. Ini mengakibatkan penyakit-penyakit yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Sekiranya ada terdapat kejadian begitu daripada masa ke masa pegawai RRI selalu memberi latihan, nasihat atau tunjuk ajar kepada pekebun-pekebun kecil supaya pekebun kecil itu dapat mengatasi masalah seperti penyakit-penyakit apabila perkara itu terjadi.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan mengatakan pegawai PPGM selalu menasihati dan selalu tunjuk ajar kepada pekebun-pekebun kecil yang pokok getahnya terkena penyakit. Apa yang saya hendak tahu adakah Kementerian yang berkenaan ataupun Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa tunjuk ajar-tunjuk ajar yang diberi oleh pegawai-pegawainya ataupun pihak PPGM ini selama ini tidak memberi kesan kepada pekebun-pekebun kecil dan kepada pokok-pokok getah yang terkena penyakit. Kalau sedar, adakah Kementerian ini bercadang untuk menyelidik lebih halus lagi dan memberi kajian yang khusus kepada pokok-pokok getah yang tidak mendapat kesan daripada nasihat yang diberi oleh pegawai-pegawainya?

Tuan Lew Sip Hon: Saya sedar bahawa ada tempatnya barangkali nasihat yang diberi oleh pegawai RRI itu tidak berkesan dan kalau Yang Berhormat boleh beri butir-butir di kawasan mana di Pantai Timur yang mana tunjuk ajar itu tidak berapa berkesan bolehlah saya mengarahkan pegawai RRI itu untuk membuat penyelidikan dalam dalam kawasan itu supaya tindakan yang sempurna dapat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar tidak hadir.)

PASPOT ANTARABANGSA MALAYSIA

10. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang hendak menghadkan pengeluaran paspot antarabangsa Malaysia memandangkan banyak paspot-paspot antarabangsa kita yang telah disalahgunakan
- (b) samada Kerajaan bercadang hendak mengadakan satu surat pengeluaran (letter of identity) tertentu untuk rakyat Malaysia yang berjalan antara negeri-negeri dalam Malaysia misalnya antara Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak dan
- (c) bilangan pemegang-pemegang paspot antarabangsa Malaysia yang telah didapati menyalahgunakan paspot mereka dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tidak. Pemegang-pemegang paspot antarabangsa Malaysia jikalau didapati menyalahgunakan paspot-paspot itu maka paspot-paspot mereka akan ditarik balik dan mereka tidak akan diberi paspot lagi.
- (b) Kerajaan telah pun menyediakan sejenis surat perjalanan yang dipanggil Dokumen Perjalanan Terhad untuk warganegara Malaysia membuat perjalanan dalam wilayah-wilayah Malaysia. Persediaan sedang dibuat untuk melaksanakan penggunaan dokumen ini.
- (c) Bilangan pemegang paspot-paspot antarabangsa yang didapati menyalahgunakan paspot ini adalah berjumlah 98 orang. Kesemua mereka ini terlibat dalam kegiatan mengedar dadah atau tinggal lebih daripada tempoh yang dibenarkan oleh negeri yang dilawati mereka. Sebanyak 67 buah paspot antarabangsa telah pun dirampas dan nama mereka telah dimasukkan ke dalam senarai syak di mana mereka tidak lagi akan dikeluarkan paspot antarabangsa pada masa hadapan. Seramai 35 orang lagi telah dilaporkan oleh Kedutaan Malaysia di Netherlands sedang menjalani hukuman di sana.

Pasport-pasport mereka akan ditarik balik dan mereka tidak akan dikeluarkan lagi.

PERINDUSTRIAN KEPADA KAWASAN LUAR BANDAR

11. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, samada beliau akan menimbangkan untuk memperkenalkan satu sistem Peruntukan Perindustrian kepada kawasan-kawasan luar bandar, supaya tiap-tiap kawasan di dalam Negeri-negeri Pantai Barat dan Timur Malaysia akan mempunyai peluang-peluang yang sama di dalam pembangunan perindustrian.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menyelaraskan perusahaan-perusahaan daripada kawasan-kawasan yang lebih maju dari segi perindustrian kepada kawasan-kawasan yang kurang maju, terutama kepada kawasan-kawasan luar bandar untuk mencapai keseimbangan dalam pembangunan perindustrian wilayah di negara ini. Sementara pengusaha-pengusaha telah digesa untuk mendirikan kilang-kilang di kawasan-kawasan kurang maju, Kerajaan juga telah mengadakan berbagai-bagai jenis galakan seperti mengadakan kemudahan-kemudahan prasarana (infrastructure) yang perlu seperti estet-estet perindustrian, bekalan elektrik dan air di kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negara. Sebagai tambahan, galakan-galakan cukai yang menarik seperti Galakan Tempat Kedudukan yang menawarkan kelepasan cukai maksima selama 10 tahun kepada projek-projek yang layak ditempatkan di kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan sebagai kawasan Galakan Tempat Kedudukan adalah ditawarkan kepada projek-projek yang ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju dan kawasan-kawasan luar bandar.

Dasar penyelarasan perusahaan telah mencapai kejayaan yang memuaskan seperti yang ditunjukkan oleh angka-angka kelulusan projek yang akan ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju. Sejak tahun 1974 lebih daripada 60% projek-projek yang diluluskan setiap tahun telah memilih untuk ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju.

Ahli Yang Berhormat sedia bersetuju adalah tidak mungkin bagi mendirikan projek-projek perindustrian di tiap-tiap kawasan di negara ini. Terdapat banyak faktor-faktor seperti kehampiran dengan sumber-sumber

bahan mentah, adanya kemudahan-kemudahan prasarana yang diperlukan, bekalan buruh mahir, kos pengangkutan, kehampiran dengan pasaran dan lain-lain, yang mana menentukan "viability" projek-projek perindustrian. Mengarahkan projek-projek perindustrian kepada tiap-tiap kawasan di dalam negara ini supaya mencapai peluang-peluang yang sama tanpa menimbangkan faktor-faktor yang tersebut akan berakhir dengan kegagalan banyak projek-projek. Oleh sebab ini, Kerajaan tidak mempunyai tujuan untuk memperkenalkan satu sistem peruntukan perindustrian sebagai satu langkah mencapai penyerlerakan perindustrian yang seimbang di negara ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan akan terus berusaha menggalakkan penyerlerakan projek-projek perindustrian ke kawasan-kawasan kurang maju terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan akan memberikan segala bantuan yang diperlukan untuk mempercepatkan proses penyerlerakan itu.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa jikalau kita mahu adakan satu industri di kawasan-kawasan kita mestilah ada satu kawasan perindustrian dan juga kemudahan-kemudahan. Tetapi satu contohnya di dalam kawasan Sungai Siput yang mana tidak ada satu kawasan industri lebih kurang 10 tahun, ada semua kemudahan-kemudahan tetapi tidak dapat timbangan daripada satu pemaju untuk mengadakan satu industri di kawasan saya atau di seluruh Kuala Kangsar satu dua tempat sahaja kita ada kawasan perindustrian tetapi itu pun tidak dapat digunakan. Sebab itu ramai penduduk-penduduk daripada kawasan saya telah lari daripada kawasan saya ke bandar-bandar besar. Barangkali wakil rakyat seperti saya mendapat susah pada masa akan datang yang mana kita tidak ada pengundi. Sebab itu saya minta Yang Berhormat Menteri bolehkah Yang Berhormat Menteri timbang untuk mengadakan satu arahan, polisi daripada Kerajaan kita tahu polisi baik, tetapi bolehkah Yang Berhormat Menteri timbang mengadakan satu arahan untuk pusatkan industri-industri di kawasan-kawasan kecil yang mana wakil-wakil rakyat biasa dapat jadi wakil rakyat. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh sebelum pilihanraya hadapan! Sila jawab.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Secara ringkas sahaja jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Ini memanglah menjadi dasar, Kerajaan, sebagaimana kata saya tadi, untuk menghantar projek-projek perindustrian di kawasan-kawasan kurang maju, tetapi pergi atau tidak perginya projek-projek itu ke kawasan itu bergantung banyak kepada orang yang menabur modal. Kalau sekiranya faktor-faktor yang saya katakan tadi tidak ada, jalanraya ataupun kos pengangkutan mahal di tempat itu untuk dipunggah barang ke tempat-tempat yang akan dipindahkan barang-barang itu sudah tentulah mereka tidak berhajat ke tempat yang diminta oleh pihak-pihak yang berkenaan.

PERUNTUKAN KEPADA KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KEMAJUAN PERKAMPUNGAN

12. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan menguntukkan lebih banyak wang untuk Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan kerana Kementerian itu kini telah meliputi semua kampung-kampung termasuk kampung-kampung baru.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Kementerian-kementerian lain, dalam menyediakan Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan adalah diperuntukkan wang yang cukup bagi menjalankan projek-projek kemajuan perkampungan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Sekiranya ada keperluan untuk mendapatkan tambahan kewangan bagi projek-projek yang benar-benar mustahak, maka keperluan itu akan ditimbangkan dalam pengkajian semula Rancangan Malaysia Ketiga.

SEKOLAH MENENGAH RAJA TUN UDA/SEKOLAH KEBANGSAAN SRI PERMAI

13. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa dengan siapnya pembesaran Lapangan Terbang Pulau Pinang di Bayan Lepas itu suasana pelajaran di dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Raja Tun Uda dan Sekolah Kebangsaan Sri Permai tidak sesuai lagi dan perlu tindakan segera.

(a) Bilakah pembinaan bangunan baharu bagi kedua-dua buah sekolah itu akan dimulakan; dan

(b) berapa banyak peruntukan yang telah disediakan bagi bangunan-bangunan itu dan bilangan bilik darjah yang dicadangkan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa dengan siapnya pembesaran Lapangan Terbang di Bayan Lepas itu akan mengganggu suasana pelajaran di Sekolah Menengah Raja Tun Uda dan Sekolah Kebangsaan Sri Permai. Sebab itu Kementerian membuat persediaan-persediaan yang perlu untuk mengatasi keadaan ini:

(a) Kedua-dua buah sekolah tersebut akan dibina di kawasan lain yang lebih sesuai dan pekerjaan pembinaannya akan dimulakan pada awal tahun 1978.

(b) Peruntukan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- | | |
|--|-----------|
| (i) Sekolah Menengah Raja Tun Uda (untuk 24 bilik darjah) ... | \$841,000 |
| (ii) Sekolah Kebangsaan Sri Permai (untuk 24 bilik darjah) ... | \$767,500 |

Peruntukan ini termasuk pembelian keseluruhan dan harga tanah.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE TURKI/IRAQ

14. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukur minta Perdana Menteri menyatakan persefahaman dicapai dengan Turki dan Iraq dalam perkara saki-baki penjajahan, penindasan dan bidang-bidang kerjasama dua-hala setuju dipertingkatkan di lawatan ke negara-negara itu baru-baru ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat mengenai lawatan saya ke Turki dan Iraq dan juga bidang-bidang kerjasama yang telah dipersetujui telahpun saya jawab dan jelaskan ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang pada 22hb Mac, 1977.

Mengenai persefahaman yang tercapai dengan Turki dan Iraq dalam perkara saki-baki penjajahan dan penindasan, sukalah saya nyatakan bahawa Turki dan Iraq seperti Malaysia juga membantah penjajahan dan

segala bentuk perbezaan kaum. Kita ber-setuju dengan Turki bahawa saki-baki penjajahan dan perbezaan kaum di Afrika, akan berakhir juga dan membawa kepada pencapaian cita-cita dan hak-hak yang sah kepada penduduk-penduduk di sana. Malaysia dan Iraq juga mempunyai pandangan yang sama dan bersedia menyokong rakyat Asia, Afrika dan Latin Amerika dalam perjuangan mereka terhadap penjajahan dan perbezaan kaum.

HARGA RUMAH DI SABAH

15. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa dengan tidak adanya undang-undang mengawal perumahan di Sabah maka harga rumah di Sabah telah tidak dapat dikawal dan adakah rancangan untuk meluaskan Akta Perumahan di bawah Kementerian beliau ini dipanjangkan ke Sabah, kiranya tidak, mengapa dan kiranya ada rancangan, bila akan dimulakan; dan
- (b) berapa banyak pemaju perumahan di negeri Sabah yang didapati bersalah tidak mematuhi arahan-arahan Kerajaan dan telah didenda akibat daripada perbuatan kesalahannya itu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan ada cadangan untuk mengujudkan peraturan mengawal kemajuan perumahan di negeri Sabah samada dengan meluaskan Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1966 atau mengujudkan peraturan undang-undang seperti itu. Pada masa ini Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah sedang mengkaji secara mendalam ke atas perkara ini.
- (b) Tiada.

PROJEK RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

16. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa peratus projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga telah dilancarkan dengan jayanya sejak Rancangan ini dilaksanakan sesudah setahun yang lalu; dan

- (b) samada Kerajaan akan menubuhkan sebuah pihak berkuasa latihan kebangsaan untuk mengawasi seluruh latihan pekerja-pekerja sejajar dengan keperluan tenaga rakyat bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dengan jayanya, jika tidak, mengapa.

Menteri Tak Bertepotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah terlalu awal pada waktu ini untuk menentukan berapa peratus projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga telah dilancarkan dengan jayanya sejak rancangan ini dilaksanakan selama satu tahun yang lalu. Sebelum satu-satu rancangan itu dapat dilihat perlaksanaannya, projek-projek tersebut terpaksa melalui peringkat-peringkat rancangan-rancangan yang detail serta penyediaan kertas-kertas tawaran dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kemajuan Rancangan Malaysia Ketiga akan dapat dilihat dengan lebih jelas apabila kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga diadakan.
- (b) Pada ketika ini, Kerajaan belum lagi berniat hendak menubuhkan satu pihak berkuasa kebangsaan yang mempunyai kuasa-kuasa penuh terhadap tanggungjawab melatih pekerja-pekerja. Apa yang dirancangkan ialah menubuhkan satu majlis yang mengandungi wakil-wakil agensi-agensi Kerajaan yang bersabit dengan latihan serta wakil-wakil pihak swasta untuk menasihatkan perancangan dan operasi program latihan perusahaan. Dalam hubungan ini, penubuhan serta perjalanan majlis tersebut akan mendapat nasihat daripada seorang pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah tindakan atau langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah kekurangan tenaga rakyat yang dihadapi oleh kita dalam pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, bagi pekerja-pekerja mahir di

peringkat pertengahan dan rendah pula Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah politeknik di Kuantan dan politeknik ini akan diperbesarkan dari setahun ke setahun jika perlu. Dan kakitangan-kakitangan yang mahir yang juga didapatkan dari lulusan sekolah-sekolah vocational dalam negeri ini dan jumlah sekolah sekarang ini ialah 33 buah. Kerajaan ada rancangan untuk menubuhkan tidak kurang daripada enam buah sekolah vocational lagi. Di samping politeknik dan sekolah vocational Kerajaan juga akan menubuhkan tiga lagi Instituti Kemahiran Perusahaan seperti yang terdapat di Kuala Lumpur dan Prai. Instituti-institusi baru ini akan ditubuhkan di Johor Bahru, Kuala Trengganu dan Sabah.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan apakah tindakan Kerajaan telah diambil untuk menukarkan tenaga rakyat yang ada sekarang dalam sektor pertanian kepada sektor pembuatan mengikut Rancangan Malaysia Ketiga.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi pekerja-pekerja diberi peluang mendapatkan latihan di dalam beberapa buah sekolah vocational dan Instituti Kemahiran Perusahaan seperti yang saya sebutkan tadi. Tujuannya ialah supaya pekerja-pekerja itu dapat latihan-latihan yang tertentu.

SEKIM RUKUN TETANGGA

17. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada Sekim Rukun Tetangga yang dijalankan sekarang hendak diteruskan ataupun tidak; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa semasa pelancaran Rukun Tetangga yang pertama yang dirasmikan oleh Y.B. Datuk Abdullah Ahmad di Negeri Perak dahulu, beliau ada menyebut bahawa sekim Rukun Tetangga ini banyak diamalkan oleh Negara-negara besar, diantaranya Indonesia semasa dahulu dan Russia dan ini memberi gambaran bahawa Rukun Tetangga itu adalah amalan daripada negara Kominis.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Memandangkan kepada tujuan-tujuan serta sambutan yang begitu menggalakkan dari rakyat dan juga faedah-faedah yang dinikmati oleh penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang telah mengamalkan Sekim Rukun Tetangga, maka adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya pelaksanaan Sekim Rukun Tetangga diteruskan di seluruh Malaysia sebagai satu "way of life" atau cara-hidup sehari-hari yang akan kita wariskan kepada jenerasi yang akan datang.
- (b) saya tidak pasti samada dalam ucapannya di Ipoh dahulu itu Datuk Abdullah Ahmad ada menyebutkan bahawa Sekim Rukun Tetangga diamalkan di Russia. Tetapi teks ucapannya yang asal yang disediakan oleh Urusetia Rukun Tetangga, Jabatan Perdana Menteri, memang tidak ada menyebut Russia.

Walau bagaimanapun, sukalah saya memaklumkan bahawa sekim Rukun Tetangga ini juga diamalkan oleh banyak negara-negara yang bukan kominis seperti Indonesia, India, Jepun, Burma dan Filipina walaupun prinsip dan cara-caranya berlainan dari sekim yang wujud di negara kita.

Saya sukalah memaklumkan bahawa sehingga 28hb Februari tahun ini bilangan sektor-sektor Rukun Tetangga yang telah dilancarkan di seluruh Malaysia ialah sebanyak 198 iaitu Negeri Perlis 1, Negeri Kedah 17, Pulau Pinang 15, Kelantan 1, Trengganu 5, Perak 50, Wilayah Persekutuan 45, Negeri Sembilan 5, Pahang 10, Selangor 9, Melaka 6 dan Johor 34.

Perlaksanaan Rukun Tetangga di luar bandar adalah diutamakan kepada kawasan-kawasan yang ada implikasi atau masaalah keselamatan. Beberapa kampung baharu di luar bandar seperti di Sungai Ruan, Klian Intan, Kroh dan Grik telahpun dilancarkan rancangan Rukun Tetangga ini. Sementara itu juga ada beberapa sekim FELDA telah juga dilancarkan rancangan Rukun Tetangga ini. Pada tahun ini pelaksanaan Rukun Tetangga akan diperluaskan di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita telah mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan iaitu sekim Rukun Tetangga ini telah mendapat sambutan

yang hangat daripada orang ramai, saya hendak meminta pengakuan ataupun penjelasan daripada Yang Amat Berhormat samada Jabatan Urusetia Rukun Tetangga di Jabatan Perdana Menteri ini dapat dilengkapkan dan dibesarkan. Yang keduanya, apabila hendak melancarkan Rukun Tetangga kepada satu sektor dan kawasan, bolehkah atau tidak bagi pihak Kerajaan memberi bantuan asas untuk permulaan kepada orang ramai memulakan projek Rukun Tetangga.

Perdana Menteri: Bagi soalan yang pertama, kalau ada didapati kekurangan kakitangan ataupun lain-lain, Urusetia Rukun Tetangga akan dibetulkan.

Berkenaan dengan bantuan itu, kalau Ahli Yang Berhormat ingat tujuan Rukun Tetangga ini ialah supaya rakyat sendiri mengambil bahagian dan mensifatkan ini sebagai tanggungjawab mereka kepada negara dan kepada masyarakat.

Dan bagi bantuan asas, pada permulaannya saya belumlah dapat hendak memberi perjanjian bagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, benda ini dikaji implikasinya, terutama sekali di atas perbelanjaan dan jumlah perbelanjaannya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Soalan tambahan. Sebagaimana saya dengar baharu sebentar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa sektor Rukun Tetangga di Perlis hanyalah satu iaitu di Padang Besar. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpendapat sebab ditubuhkan satu itu kerana di Perlis tidak ada masalah ataupun kalau ada masaalah, tidakkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercadang akan menubuhkan lagi seperti juga di Padang Besar yang menjadi sempadan dengan Thailand iaitu sempadan laut di Kuala Perlis dan juga satu tempat lagi yang pada pendapat saya banyak penduduk berbilang kaum iaitu di Pauh.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini boleh ditimbangkan.

PESERTA-PESERTA FELDA/FELCRA

18. Tuan Loh Fook Yen minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

(a) sebagaimana telah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga bahawa

lebih banyak peluang-peluang akan diberi kepada rakyat bukan Melayu menyertai skim-skim tanah publik yang dijalankan oleh FELDA dan FELCRA dan lain-lainnya, apakah langkah-langkah telah diambil supaya mewujudkan matlamat-matlamat ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga;

(b) berapa skim-skim tanah telah dibuka semenjak pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga dan di mana skim-skim ini diletakkan dalam tiap-tiap negeri; dan

(c) apakah komposisi kaum peserta-peserta dalam tiap-tiap skim itu. Bolehkah Menteri menimbangkan supaya memberi satu quota kepada rakyat bukan Melayu agar menjaminakan matlamat atas pertanian seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga bagi rakyat bukan Melayu akan tercapai.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab (a) saya telah memberikan jawapan secara bertulis pada 24hb terhadap soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang maksudnya hampir bersamaan dengan soal (a) ini dan ditambahkan lagi pula oleh penerangan yang panjang lebar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari semalam.

Bagi memberi jawapan (b) dalam tahun 1976 dan 1977 iaitu dalam tahun pertama dan kedua dalam Rancangan Malaysia Ketiga FELDA dan FELCRA telah membuka semuanya 59 buah rancangan baharu di seluruh negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ini. Bagi FELDA di Negeri Kedah ada dua rancangan dibuka, satu di Baling dan satu di Kubang Pasu. Bagi Negeri Perak 3, di kawasan Sungkai. Negeri Sembilan 5 iaitu di kawasan Tampin dan Kuala Pilah. Bagi kawasan Johor 9 iaitu daerah-daerah Kluang, Kota Tinggi, Kulai dan Mersing, di Negeri Pahang 21 iaitu bagi kawasan Kuala Lipis, Bentong, Temerloh, Pekan, Rompin, Jerantut, Kuantan, dan Raub. Bagi Negeri Trengganu 2 iaitu di daerah Kemaman dan bagi Kelantan satu di Kuala Krai.

Bagi FELCRA, di Negeri Johor ada 6 rancangan iaitu bagi daerah-daerah Kota Tinggi, Muar, Segamat dan Mersing. Trengganu 2 daerah Kemaman. Kedah 2 iaitu daerah Baling dan Pulau Langkawi, di Perak ada 3

di daerah Telok Anson dan Parit Tengah. Negeri Sembilan ada satu iaitu di Kuala Pilah. Kelantan ada satu iaitu di Machang. Pahang ada satu di Jerantut.

Bagi menjawab solan (c) rancangan-rancangan yang telah dibuka dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah di dalam peringkat pembangunan permulaan dan oleh yang demikian belumlah ada penerimaan peneroka-peneroka.

Tuan S. Samy Vellu. Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi tahu Dewan ini bilakah Kerajaan akan menempatkan ramai pemohon-pemohon yang telah berjaya dan menunggu selama dua tahun.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Dijangka tidak kurang daripada 5 tahun tempohnya.

Tuan Loh Fook Yen: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri menyatakan baharu ini iaitu di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini sekim itu belum ada peneroka lagi. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan ini bilakah sekim ini akan diduduki oleh pemohon-pemohon.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sekim-sekim yang saya sebutkan tadi masih dalam peringkat pembangunan permulaan, maka dia terpaksa menunggu sehingga selesai segala-galanya termasuk prasarananya rumah, jalanraya dan segala kelengkapan seperti biasa baharulah dapat dijemput peserta-peserta masuk dalamnya. Ini adalah memakan waktu dan jangka waktu itu tidak dapat dinyatakan dengan tepat, sebab ianya bergantung kepada lancar atau tidaknya pembangunan yang sedang berjalan sekarang.

PERKHIDMATAN DOKTOR PAKAR

19. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa keadaan perkhidmatan untuk doktor-doktor terutamanya doktor-doktor pakar di hospital-hospital Kerajaan kurang memuaskan hingga menyebabkan banyak doktor meletakkan jawatan. Jika ya, adakah langkah-langkah yang berkesan diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang adanya tuduhan bahawa keadaan perkhidmatan untuk doktor-doktor terutamanya doktor-doktor pakar di hospital-hospital Kerajaan kurang memuaskan sehingga menyebabkan ramai doktor meletakkan jawatan. Berkenaan dengan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kebenaran dakwaan ini, saya telahpun menyatakannya ketika menjawab solan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka di Dewan ini pada 23hb Mac, 1977.

RUKUN TETANGGA

20. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan pekerja-pekerja yang terlibat dan kerugian dari segi masa kerja bersabit dengan keputusan melancarkan rancangan Rukun Tetangga; dan
- (b) berapa banyakkah negara kerugian dari segi kewangan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Saya ingin menjelaskan di sini iaitu hampir keseluruhan orang-orang yang terlibat di dalam menjalankan tugas Rukun Tetangga adalah terdiri dari golongan pekerja-pekerja belaka baik bekerja sendiri maupun bekerja makan gaji, kecuali golongan pelajar-pelajar. Dukacita saya tidak dapat memberitahu bilangan yang tepat kerana urusan mendapatkan perangkaan-perangkaan yang berkenaan sedang diusahakan. Dalam hubungan ini, saya mempunyai penuh keyakinan bahawa Ahli Yang Berhormat tentu lebih menyedari bahawa dalam usaha menjamin keselamatan, keamanan negara dan kebahagiaan rakyat, penglibatan tenaga rakyat di dalam rancangan Rukun Tetangga tidak dapat dinilai atau diukur dalam bentuk wang ringgit. Malahan jika keselamatan pula tidak ujud dan terkawal maka sudah tentu rancangan pembangunan negara tidak dapat diselenggarakan dengan pesat dan sempurna.

(b) Saya percaya Ahli Yang Berhormat dan semua Ahli Dewan yang mulia ini bersetuju bahawa soal untung rugi tidak

patut timbul sama sekali, kerana Kerajaan amat menitik beratkan masalah keselamatan negara yang menjadi faktor utama (overriding factor) dalam segala rancangan Kerajaan yang memberi faedah kepada rakyat.

RUMAH KOS RENDAH

21. **Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan:

- (a) mengapakah terdapat kekurangan projek-projek pembinaan rumah dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua di tiap-tiap Negeri;
- (b) keperluan perumahan tambahan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga di tiap-tiap Negeri;
- (c) kemampuan Kementerian ini menemui keperluan perusahaan perumahan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga; dan
- (d) apakah cara, langkah sikap Kementerian ini untuk memberi galakan kepada sektor Swasta bekerjasama dan mengambil peranan menemui keperluan ini.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil anggapan di sini bahawa Ahli Yang Berhormat itu bertanyakan tentang pembinaan perumahan "kos rendah" bagi sektor awam dan "harga rendah" bagi sektor swasta. Dengan anggapan ini, saya suka memaklumkan bahawa, mengenai soalan (a), kegiatan perusahaan perumahan di Malaysia sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kedua telah terjejas kerana keadaan ekonomi dunia yang telah dilanda oleh masalah inflasi dan stagflasi. Ini telah menyebabkan harga bahan-bahan binaan melambung naik berganda tingginya. Bertambah dengan ini pula Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri telah mengalami kekurangan keupayaan teknikal dan ikhtisas untuk melaksanakan projek-projek perumahan awam kos rendah mereka.

Mengenai soalan (b) pula dari butir-butir yang didapati dari Kerajaan-kerajaan Negeri (menurut kertas Persediaan Rancangan

Malaysia Ketiga) keperluan perumahan tambahan jenis kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Yunit
Perlis	1,809
Pulau Pinang	8,296
Kedah	3,283
Kelantan	1,453
Trengganu	4,335
Negeri Sembilan	1,949
Melaka	3,672
Pahang	4,017
Perak	22,964
Selangor	28,696
Wilayah Persekutuan	24,090
Johor	10,073
Sabah	2,245
Sarawak	3,401

Menjawab soalan (c), Kementerian saya telah diperkuatkan lagi dengan diwujudkan di bawahnya sebuah Jabatan Perumahan Negara yang mengandungi jawatan-jawatan ikhtisas dan teknikal yang dianggap sesuai bagi perusahaan pembinaan. Walau bagaimanapun fungsi Jabatan ini adalah untuk menyelaras serta membantu Kerajaan-kerajaan Negeri yang memerlukan bantuan serta nasihat bagi projek-projek perumahan mereka. Setakat ini permohonan bantuan yang diterima dari negeri-negeri adalah dalam kemampuan Kementerian untuk memberikannya. Kiranya permohonan bantuan bertambah maka tenaga yang diperlukan akan juga ditambah selayaknya. Kebanyakan negeri-negeri lebih suka melaksanakan projek-projeknya melalui agensi mereka sendiri. Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah memperkuatkan lagi jentera perlaksanaan mereka masing-masing bagi menemui keperluan perumahan di tempat mereka.

Mengenai soalan (d) pula Kementerian saya sememangnya memberi galakan serta kerjasama yang sewajarnya kepada sektor swasta dalam peranannya mencapai matlamat perumahan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Sebagaimana saya telah terangkan dalam Persidangan Dewan Rakyat yang lalu, satu cawangan Khidmat Nasihat di Bahagian Pelesenan telahpun diwujudkan di Kementerian saya khususnya bagi memberi

nasihat serta bantuan kepada pemaju-pemaju perumahan swasta dan mereka yang berminat dalam kemajuan perumahan. Usaha-usaha lain yang dijalankan adalah termasuk:

- (i) mengadakan dailog-dailog dan perjumpaan dengan pemaju-pemaju perumahan swasta menerusi persatuan mereka, bagi mendapatkan maklumat, cadangan serta mencari jalan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pihak tersebut dalam bidang perusahaan perumahan. Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan (Housing Developers Associations) ada memainkan peranan yang aktif membantu Kerajaan mencapai keperluan perumahan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, umpamanya projek usahasama antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan H.D.A. di Cheras;
- (ii) mendapatkan pemaju-pemaju perumahan berusaha sendiri atau bekerjasama dengan Kerajaan Negeri atau agensi-agensi mereka membina rumah-rumah harga rendah;
- (iii) mendapatkan kelonggaran-kelonggaran bagi syarat-syarat perancangan dan/atau peraturan-peraturan tempatan yang dipersyaratkan oleh pihak-pihak Berkuasa tanah, perancangan dan bangunan agar projek-projek harga rumah swasta dapat terjalin dengan lebih banyak lagi; dan
- (iv) memberi galakan kepada pemaju-pemaju swasta mendapatkan bantuan bagi membeli-pembeli mereka mendapat kemudahan pinjaman daripada MBSB atau, jika yang melibatkan pegawai-pegawai Kerajaan, daripada Bahagian Pinjaman Perbendaharaan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 22 hingga 38 adalah diberi di bawah ini).

PENGERUSI BADAN-BADAN BERKANUN

9. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar meminta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar banyak Pengerusi-pengerusi Badan-badan Berkanun Persekutuan atau Negeri dan Suruhanjaya-

suruhanjaya ada menjalankan perniagaan sendiri dan adakah ini digalakkan oleh Kerajaan dan jika sedar, adakah Kerajaan hendak melantik orang-orang yang benar-benar dedidaksi kepada Badan-badan Berkanun Kerajaan atau Suruhanjaya sahaja untuk menaikkan taraf hidup orang-orang bumiputra;

- (b) berapa ramaiakah Pengerusi Badan-badan Berkanun dan Suruhanjaya Kerajaan yang telah dibenarkan menjalankan perniagaan sendiri dan sila senaraikan nama mereka dan semajak bilakah mereka itu diberi kebenaran dan sekiranya kebenaran tidak diberi dan didapati mereka ini menjalankan perusahaan swasta apakah tindakan akan diambil; dan
- (c) adakah Kerajaan melantik seseorang untuk menjadi Pengerusi atau Ketua sesebuah Badan Berkanun atau Suruhanjaya itu dengan tujuan supaya mereka itu betul-betul menumpukan penuh minat dan dedikasi matlamat Kerajaan menubuhkan sesebuah Badan Berkanun itu atau hanya bekerja sebagai sambilan sahaja.

Menteri Tak Berportfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):

- (a) Pada amnya, Pengerusi-pengerusi Badan-badan Berkanun dapat dibahagikan kepada dua jenis. Pertama ialah Pengerusi-pengerusi Eksekutif dan kedua Pengerusi-pengerusi sambilan atau bukan Eksekutif. Pengerusi-pengerusi Eksekutif tidaklah dibenar menjalankan perniagaan dan Kementerian-kementerian berkenaan akan memastikan dan mengawasi dari masa kesemasa supaya tidak adanya pertentangan kepentingan dalam hal ini.

Bagi Pengerusi-pengerusi sambilan atau bukan Eksekutif pula, kebanyakan dari mereka, sebelum dilantik menjadi Pengerusi Badan-badan Berkanun, telahpun mempunyai perniagaan masing-masing. Oleh itu tidaklah wajar mereka memberhentikan perniagaan mereka oleh kerana mereka dilantik sebagai Pengerusi-pengerusi Badan Berkanun; tambahan pula perlantikan mereka adalah bagi satu-satu tempoh sahaja dan oleh itu bukanlah satu kedudukan yang kekal.

Pengerusi-pengerusi Badan-badan Berkanun adalah dilantik dari mereka yang difikirkan akan memberi penuh dedikasi kepada Badan-badan Berkanun itu.

- (b) Berdasarkan kepada soalan bahagian (a), jawapan kepada soalan (b) tidaklah berbangkit.
- (c) Memanglah menjadi tujuan dan harapan Kerajaan melantik orang-orang yang menjadi Pengerusi Eksekutif Badan-badan Berkanun dengan tujuan supaya mereka dapat menumpukan penuh minat dan dedikasi untuk menjayakan sesebuah Badan-badan Berkanun itu. Bagi mereka yang dilantik sebagai Pengerusi bukan Eksekutif, mereka mempunyai Timbalan Pengerusi yang bekerja sepenuh masa dan ini akan memastikan bahawa Badan-badan Berkanun itu berjalan dengan sempurna.

RAKYAT MALAYSIA KELUAR NEGERI—REKOD

22. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian ini membuat kepastian tiap-tiap rakyat Malaysia yang keluar negeri pihak Imigresen menyimpan rekod keluar masuk yang menyenangkan kerja pemeriksaan bila berlaku sesuatu perkara.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kita tidak ada mempunyai rekod rakyat Malaysia yang keluar masuk negeri ini oleh kerana tidak difikirkan perlu. Pemeriksaan ke atas warganegara negeri ini yang keluar di pintu-pintu masuk diadakan hanyalah untuk mengesan penjenayah ataupun mengesan paspot-paspot yang diperolehi secara haram.

Jika terjadi satu-satu perkara semasa mereka di luar negeri, pihak negeri di mana mereka berada akan melapurkannya kepada Kedutaan Malaysia di negeri itu. Keterangan tentang diri mereka tercatat dalam paspot mereka. Jika keterangan lanjut dan identiti mereka diperlukan Kedutaan Malaysia di negeri itu akan berhubung dengan Pejabat Imigresen di mana borang-borang permohonan paspot yang mengandungi butir-butir mereka ada disimpan.

PEGAWAI MASJID DI RANCANGAN FELDA

23. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada FELDA sanggup membayar gaji bulanan kepada Pegawai-pegawai masjid di dalam rancangan FELDA dan jika tidak mengapa.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Pegawai-pegawai masjid bukanlah kakitangan FELDA dan oleh itu FELDA tidaklah boleh membayar gaji kepada mereka itu. Tambahan pula, FELDA juga tiada menerima apa-apa peruntukan daripada Kerajaan yang boleh digunakan bagi maksud tersebut.

PEMBINAAN SEKOLAH-SEKOLAH

24. Tuan Aharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa Kerajaan tidak menyediakan tanah untuk menghadapi perkembangan sekolah dari sekarang hingga tahun 2,000 kerana ada kemungkinan Kerajaan akan menghadapi kesulitan mencari tapak yang sesuai di masa akan datang.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Kementerian tidak ada menyediakan tanah secara khusus bagi pembinaan sekolah-sekolah hingga ke tahun 2,000. Walau bagaimanapun Kerajaan ada membuat peraturan-peraturan supaya tapak-tapak untuk sekolah dikhaskan di mana-mana sahaja projek-projek pembangunan perumahan dijalankan atau di mana-mana projek pembangunan wilayah dilaksanakan. Penyediaan tanah hingga ke tahun 2,000 secara menyeluruh adalah agak sukar sedikit kerana perkembangan-perkembangan pembangunan dan perubahan-perubahan struktur penduduk negara adalah tidak boleh ditentukan hingga ke tahun 2,000 secara khusus. Oleh sebab itu, Kerajaan telahpun membuat undang-undang di mana Kerajaan boleh mengambil balik tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960.

Selain daripada pembelian tanah yang tidak akan digunakan untuk beaun dalam jangka masa yang pendek akan melibatkan wang yang dikena faedah dan ada pula kemungkinan setinggi-setinggi menimbulkan masaalah.

BAHASA MALAYSIA DALAM PENGAJIAN TINGGI

25. Tuan Haji Embong bin Yahya minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kemajuan penggunaan Bahasa Malaysia dalam pengajian tinggi:

- (a) di Universiti Malaya;
- (b) di Univertisi Kebangsaan;
- (c) di Universiti Pertanian;
- (d) di Universiti Sains Malaysia; dan
- (e) di Universiti Teknologi Malaysia.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kemajuan yang dicapai dalam penggunaan Bahasa Malaysia di universiti-universiti adalah seperti berikut:

(a) *Universiti Malaya*

Kemajuan Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa pengantar di Universiti ini bolehlah dianggap memuaskan. Kebanyakan kursus adalah dilaksanakan di dalam Bahasa Malaysia. Langkah-langkah sedang diambil oleh Universiti ini untuk menambahkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia, bagi mencapai matlamat kebangsaan, iaitu untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa pengantar di universiti-universiti pada tahun 1983.

(b) *Universiti Kebangsaan*

Kesemua kursus di Universiti ini adalah dilaksanakan sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia.

(c) *Universiti Pertanian dan Universiti Teknologi*

Kebanyakan kursus-kursus yang ditawarkan di kedua-dua universiti ini dilaksanakan di dalam Bahasa Malaysia. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk mempertingkatkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya. Penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya sebagai bahasa pengantar belum dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya kerana terdapat beberapa masalah tertentu yang dihadapi oleh Universiti-universiti itu, umpama dari segi istilah teknikal dan masih menggunakan perkhidmatan pensyarah daripada luar negeri.

(d) *Universiti Sains Malaysia*

Kursus dalam Bahasa Malaysia ada ditawarkan di tiap-tiap "Pusat" di Universiti Sains Malaysia. Kursus-kursus pengajian dalam Bahasa Malaysia belumlah dapat dilaksanakan sepenuhnya di universiti ini.

(e) *Universiti Teknologi Malaysia*

Universiti Teknologi Malaysia menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar bagi hampir semua matapelajaran untuk semua Fakulti, iaitu Fakulti Kejuruteraan Jentera, Fakulti Kejuruteraan Letrik, Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Alam Bina dan Fakulti Ukur dari tahun pertama hingga tamat kursus pengajian itu. Bagi kursus Pengajian Sains, iaitu Ilmu Hisab, Kimia dan Fizik serta kursus Pengajian Kemanusiaan semua mata-pelajaran adalah disampaikan dalam Bahasa Malaysia dari tahun pertama hingga akhir pengajian kursus itu.

Penggunaan Bahasa Malaysia meliputi ijazah, diploma dan juga kursus integrasi (yang disatukan). Ianya tidak terhad kepada syarahan/ceramah sahaja bahkan meliputi semua aktiviti pengajian itu seperti tutorial perbincangan, mesyuarat dan juga penulisan kertas-kertas ilmiah yang ditulis oleh pelajar.

Ada di antara matapelajaran-mata-pelajaran yang disampaikan dengan menggunakan campuran Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Ini adalah disebabkan ketiadaan perkataan dan ungkapan yang berunsur teknikal dalam Bahasa Malaysia walaupun perkataan dan ungkapan ini sedang diusahakan untuk diterjemahkan. Di samping itu penggunaan campuran kedua-dua bahasa ini membolehkan pelajar-pelajar untuk mengikuti pengajian lanjutan ke luar negeri setelah lulus dari Universiti ini.

Semua pelajar yang masuk ke Universiti Teknologi Malaysia dikehendaki mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

LAPANGAN TERBANG TAIPING

26. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar ada ura-ura Kerajaan hendak membuka

semula Lapangan Terbang Taiping; jika sedar, nyatakan bila lapangan terbang tersebut akan dibuka, jika tidak, mengapa.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Saya suka menyatakan kepada Yang Berhormat bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan telah disediakan bagi pelaksanaan beberapa landasan kapalterbang yang pendek (STOL) seperti di Pulau Langkawi, Pulau Tioman, Taiping, Mersing, Segamat, Temerloh, Jerantut, Sitiawan, dan Dungun untuk perkhidmatan udara luar bandar. Landasan-landasan ini juga akan menampung keperluan-keperluan awam dan tentera. Perancangan sedang dijalankan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di setiap landasan kapalterbang tersebut bagi memperbaiki perkhidmatan ini.

RANCANGAN TANAH BAGI PESERTA-PESERTA

27. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah beliau telah mengambil langkah-langkah untuk membuka rancangan-rancangan tanah untuk mengambil rakyat dari berbagai kaum bagi menyatukan masyarakat; jika ya, berapa banyak tanah dan tempat-tempat bagi rancangan-rancangan tanah yang ada dalam pandangan beliau.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Adalah ianya menjadi satu dasar Kerajaan bagi mengambil rakyat dari berbagai kaum untuk menyertai rancangan-rancangan tanah yang dibuka oleh pihak Kerajaan atau oleh agency-agencynya.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, pihak Kerajaan telah menetapkan akan membuka rancangan tanah seluas 1,000,000 ekar seperti berikut:

FELDA	350,000
FELCRA	50,000
RISDA	100,000
Kerajaan Negeri	240,000
Usahasama/Sektor Awam	260,000
				<hr/>
				1,000,000

Bilangan dan tempat bagi rancangan ini akan cuma boleh ditentukan selepas masaalah tanah diselesaikan dengan pihak Kerajaan Negeri terlebih dahulu.

JURURAWAT MALAYSIA

28. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kesihatan menyatakan yang berikut:

- (a) bilangan Jururawat Malaysia (lelaki dan perempuan) yang sedang berkhidmat di United Kingdom selepas menamatkan pelajaran dan latihan mereka;
- (b) tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menyerapkan Jururawat-jururawat yang terlatih ini yang bertugas di hospital-hospital Britain kiranya mereka dikehendaki oleh pihak berkuasa Britain supaya mereka berhenti; dan
- (c) bilangan jururawat-jururawat pelatih Malaysia yang masih menjalani latihan di United Kingdom.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew)

- (a) Saya tidak dapat memberitahu bilangan jururawat-jururawat Malaysia (lelaki dan perempuan) yang sedang berkhidmat di United Kingdom selepas menamatkan pelajaran dan latihan mereka, oleh kerana Kementerian saya tidak menyimpan daftar mengenai perkara itu. Bagaimanapun adalah dianggarkan bahawa terdapat seramai lebih kurang 4,000 orang rakyat Malaysia yang sedang menjalani latihan dan yang sedang bekerja di United Kingdom pada masa ini.
- (b) Pengisian jawatan Jururawat di Kementerian saya adalah berdasarkan kepada keperluan dan kepentingan perkhidmatan dari masa ke semasa. Seperti yang telah saya beritahu beberapa kali di Dewan ini, sebahagian besar dari bilangan Jururawat-jururawat yang diperlukan oleh Kementerian saya adalah terdiri dari mereka yang lulus dari Sekolah-sekolah Latihan Kementerian. Jururawat-jururawat yang terlatih di luar negeri yang memenuhi syarat-syarat di dalam Sekim Perkhidmatan bolehlah diambil bekerja bagi mengisikan setakat mana kekosongan jawatan yang ada iaitu yang tidak dapat diisi atau dipenuhi oleh para lepasan dari pusat-pusat latihan tempatan. Walau bagaimanapun, disebabkan jumlah jururawat-jururawat yang dijangka akan pulang ini agak besar jumlahnya sedangkan Kementerian saya hanya boleh menerima mengikut kadar yang diperlukan sahaja,

maka sukacitalah saya memohon bagi mendapatkan kerjasama dari Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain, Badan-badan Berkanun dan juga dari sektor-sektor prebet yang memerlukan perkhidmatan kejururawatan supaya menerima mereka ini ke dalam perkhidmatan mereka.

- (c) Kementerian saya tidak menyimpan daftar orang-orang yang menjalani latihan jururawat di United Kingdom. Oleh yang demikian, jumlah jururawat pelatih warganegara Malaysia yang masih berlatih di United Kingdom tidak dapat dipastikan.

KOPERASI PELADANG

29. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha agar Koperasi Peladang benar-benar menghasilkan tujuannya, memandang kepada ramai pegawai muda menjalankan tugas di Koperasi itu dan apakah usaha supaya ia lebih mendapat sambutan daripada petani, dan adakah jabatan pertanian menjalankan usaha yang hampir sama.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Kementerian Pertanian berpendapat bahawa Koperasi-koperasi Peladang secara amnya dapat berjalan di atas landasan yang betul sebagaimana dikehendaki oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, Koperasi-koperasi Peladang tersebut masih belum mencapai tujuan dengan sepenuhnya sebagaimana yang dicita-citakan oleh Kerajaan. Pencapaian yang belum penuh itu adalah disebabkan beberapa faktor termasuklah semangat peladang-peladang dan juga kekurangan pengalaman beberapa orang pegawai-pegawai yang umumnya masih muda. Dari segi ini Kementerian Pertanian memanglah menjalankan berbagai bentuk latihan bagi meningkatkan lagi mutu kecekapan pegawai-pegawai.

Untuk mendapatkan sambutan petani terhadap Koperasi-koperasi Peladang, Lembaga Pertubuhan Peladang telah mengambil beberapa langkah termasuk memberikan subsidi bahan-bahan keperluan ladang, kejenteraan ladang untuk membeli trektor empat roda dan juga menyalurkan kredit pertanian. Subsidi dan kredit juga disalurkan kepada projek-projek pengeluaran pertanian yang diusahakan secara berkumpulan.

Jabatan Pertanian tidak menjalankan usaha yang hampir sama.

GERAKAN DAOYAI-MUSNAH

30. Tengku Zaid Ahmad bin Tengku Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan kejayaan-kejayaan gerakan bersama memburu gurila kominis antara tentera-tentera Malaysia dan Thailand pada bulan Januari lepas dan nyatakan bilangan gurila-gurila tersebut yang telah dibunuh dan ditawan.

Menteri Pertahanan (Datuk Hussein bin Onn): Kejayaan terpenting gerakan Daoyai-Musnah I yang dilancarkan pada 12hb Januari, 1977 dahulu terletak kepada hakikat bahawa operasi tersebut membuktikan kesediaan dan kemampuan negara ini dan negara Thailand untuk mengawal keadaan keselamatan di sempadan bersama kedua-dua negara.

Dari segi kesan operasi tersebut pula, suka dinyatakan bahawa akibat dari tindakan bersama tentera Malaysia dan Thailand kawasan-kawasan persembunyian dan infrastruktur pengganas kominis di kawasan Sadao telah dapat dimusnahkan sementara sejumlah 21 orang pengganas kominis telah dilaporkan terbunuh dan 17 orang dijangka luka-luka parah.

Di sini suka juga saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa oleh kerana permusnahan kem-kem, infrastruktur dan organisasi pergerakan kominis di sempadan adalah merupakan tujuan utama operasi tersebut, gerakan ini dengan itu adalah dianggap suatu gerakan yang berjaya kerana tujuan ini telah dicapai dan kemajuan gerakan kominis di situ telah dapat dikebelakangkan untuk beberapa tahun dan kejayaan ini adalah lebih penting dari bilangan anggota kominis yang telah dibunuh atau ditawan.

BIASISWA KERAJAAN ASING

31. Tuan Mak Hon Kam minta Perdana Menteri menyatakan bilangan penuntut diberi biasiswa atau grants oleh Kerajaan asing/ajensi mengikut persetujuan bersama dengan negara kita atau mengikut rancangan sebagai Rancangan Colombo, Persaudaraan Commonwealth dan sebarang rancangan yang sama atau penyelenggaraan semenjak tahun 1970. Di atas dasar apakah penuntut itu dipilih dan apakah pecahan mengikut kaum.

Perdana Menteri (Datuk Hussein Onn): Bilangan penuntut yang diberi biasiswa oleh Kerajaan asing adalah kecil iaitu 36 bumiputra dan 110 bukan bumiputra berbanding dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang dihantar berkursus dengan biasiswa-biasiswa asing yang berjumlah 1,318 orang iaitu 879 bumiputra dan 439 bukan bumiputra.

Bagaimanapun, mengikut dasar kebanyakan negara-negara pemberi (donor countries), tawaran biasiswa biasanya dibuat di bawah berbagai rancangan bantuan teknik dan keutamaan adalah bagi keperluan perkhidmatan Kerajaan dalam menambahkan kepakaran dan kemahiran pegawai-pegawai Kerajaan. Dengan yang demikian, adalah dijangka bahawa bagi masa hadapan tawaran-tawaran biasiswa dari negara asing itu akan terhad kepada latihan untuk pegawai-pegawai Kerajaan. Bagi maksud ini, pemberian biasiswa itu adalah didasarkan kepada keperluan satu-satu jabatan dan pegawai-pegawai dihantar atas permintaan jabatan-jabatan itu mengikut keperluan latihannya.

IBU PEJABAT POLIS KONTIJEN SELANGOR

32. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa Ibu Pejabat Polis Kontijen Selangor, terutama kakitangan Bahagian Registry didapati cuai, lembab dan banyak membuang masa pejabat dengan tidak menumpukan pekerjaannya dan satu-satu surat yang mudah dijawab memakan masa 3 bulan. Adakah Kementerian akan menyiasat bukan sahaja di Bahagian Registry, Ibu Pejabat Polis Kontijen Selangor, malah di seluruh Pasukan Polis. Sekiranya terdapat kakitangan cuai, lembab, samada tindakan disiplin akan diambil atau menyingkirkan mereka dari perkhidmatan, kerana terdapat banyak sekarang ini penganggur-penganggur yang berkecukupan yang tidak mempunyai pekerjaan yang boleh digantikan tempat mereka.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Susah hendak saya melayan dakwaan yang dibuat begitu umum, umpamanya mengenai kakitangan Polis di Registry yang cuai, lembab, banyak membuang masa, sekiranya saya tidak diberi bukti-bukti yang tertentu supaya dapat diperbaiki kelemahan, jika ada.

Saya akan berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat sekiranya dapat Ahli Yang Berhormat sampaikan kepada saya bukti-bukti yang lengkap dengan segera.

PROJEK PERUMAHAN—KEMUDAHAN JALANRAYA

33. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar bahawa pembayar-pembayar cukai yang tinggal di dalam kawasan Eastern Gardens, Ipoh Road, Ipoh Road Gardens, Bamboo Gardens tidak mempunyai jalan-jalan masuk yang sempurna, dan setengah Pemaju-pemaju Perumahan tiada membuat jalan-jalan seumpama itu sesudah menyiapkan projek-projek mereka. Dalam keadaan demikian bagaimanakah Sijil-sijil Kelayakan (Certificate of Fitness) bagi projek-projek perumahan dikeluarkan apabila sahaja kerja-kerja pembinaan siap. Dan apakah tindakan yang dicadangkan oleh Dewan Bandaraya untuk membetulkan keadaan yang sedemikian.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Sebenarnya Ipoh Road Gardens dan Bamboo Gardens sudah mempunyai jalan masuk yang baik keadaannya dari Jalan Ipoh. Perkhidmatan lampu-lampu jalan, pengangkutan sampah dan pemotongan rumput di bahu jalan sudah pun dijalankan di kawasan-kawasan tersebut.

Walaupun penyelenggaraan jalan-jalan sekarang ini dilakukan oleh Dewan Bandaraya tetapi jalan-jalan yang terdapat di dalam kedua-dua kawasan perumahan tersebut belum lagi diambil alih oleh Dewan Bandaraya disebabkan pelan "revenue survey" untuk kedua-dua kawasan perumahan itu belum lagi didapati. Pelan "revenue survey" yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Ukur adalah penting sebelum pengambilalihan terhadap jalan-jalan dapat dilakukan.

"Certificate of Fitness" telah dikeluarkan kepada kawasan perumahan ini lama sebelum Wilayah Persekutuan ditubuhkan dan kawasan-kawasan perumahan ini dirancang semasa pentadbiran negeri Selangor.

Kawasan perumahan ini adalah juga pada masa itu di luar kawasan bandar dan kemungkinan standard bagi jalan-jalan tersebut adalah lebih rendah bila dibandingkan dengan standard yang dikenakan oleh Dewan

Bandaraya sekarang. Oleh itu dari segi undang-undang, Dewan Bandaraya tidak terikat untuk mengambil alih semua jalan-jalan itu kerana jalan-jalan itu adalah tidak standard sebagaimana dikenakan oleh Dewan Bandaraya.

Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya telah mengambil langkah tersebut untuk memperbaiki keadaan dan untuk menghindar kejadian-kejadian pada masa hadapan:

- (a) Tetapi bagi kawasan perumahan yang baru, jalan-jalan dan parit-parit mestilah memenuhi standard sebelum projek perumahan dibenarkan dibuat.
- (b) Bagi kawasan-kawasan perumahan yang lama adalah dasar kita untuk pada akhirnya mengambilalih semua jalan-jalan tersebut—
 - (i) Sekiranya kontraktor-kontraktor perumahan tersebut masih berada, mereka diberi arahan membuat jalan-jalan memenuhi standard yang dikehendaki.
 - (ii) Bagi kontraktor-kontraktor yang tidak berada di kawasan perumahan yang mereka buat, Dewan Bandaraya akan pada akhirnya mengambilalih jalan-jalan tersebut peringkat demi peringkat. Pada masa sekarang kesukaran kewangan hanya membenarkan kita membuat jalan-jalan masuk ke kawasan-kawasan perumahan tersebut. Pada masa yang sama anggaran-anggaran telah dibuat untuk membolehkan kita mengkaji implikasi kewangan. Ini adalah jelas akan mengambil masa. Faktor-faktor yang menyekat kita mengambilalih jalan-jalan di beberapa kawasan perumahan ialah—
 - (i) Terdapat kehendak undang-undang yang perlu dipatuhi contohnya jalan-jalan mesti mengikut standard yang dikenakan oleh Negeri Selangor semasa jalan-jalan itu dibuat.
 - (ii) Geran-geran yang sah mestilah diadakan oleh penduduk-penduduk di kawasan itu dan ini adalah boleh didapati selepas "Revenue Survey" telah dibuat. Pada masa sekarang Taman Bamboo tidak mempunyai geran-geran yang sah.

Walau bagaimanapun pihak Dewan Bandaraya memasuki untuk menyelenggarakan keadaan jalan-jalan tersebut walaupun ini melibatkan perbelanjaan kita sendiri oleh sebab kita tidak layak mendapat peruntukan geran jalan Jabatan Kerjaraya.

INSTITIUT TEKNOLOJI MARA— PERATUS KELULUSAN

34. Tuan Haji Embong bin Yahya minta Menteri Pelajaran menyatakan peratus kelulusan penuntut MARA mengikut hitung panjang dalam peperiksaan 1975 dan 1976.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Pada keseluruhannya purata kelulusan penuntut-penuntut Institiut Teknologi MARA untuk kursus dalam (internal courses) untuk tahun 1975 dan 1976 adalah memuaskan iaitu mencapai purata 80.26%. Peratus kelulusan bagi tahun 1975 ialah 77.9% dan peratus kelulusan bagi tahun 1976 ialah 83%. Pecahan kelulusan semester ialah:

Jun. ...	1975 ...	78.2%
Nob. ...	1975 ...	77.6%
Jun. ...	1976 ...	84.5%
Nob. ...	1976 ...	81.7%
- (b) Purata kelulusan bagi kursus luar (external courses) di I.T.M. adalah di dalam lingkungan 31%. Kadar kelulusan yang agak rendah ini disebabkan oleh kerana syarat-syarat kelulusan kursus profesyenal seberang laut agak ketat dan seseorang penuntut itu pula dikehendaki lulus dalam semua mata pelajaran.

MAJUIKAN DI DUNGUN

35. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian menyatakan apakah Kerajaan sedar bahawa rakyat kaum nelayan di Seberang Pintas, Dungun berhasrat agar MAJUIKAN mengadakan projeknya di sana. Apakah projeknya secara besaran yang boleh diadakan di situ.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Kerajaan sedar. MAJUIKAN sedang mengkaji jenis projek yang sesuai untuk dijalankan di kawasan itu.

MAS—KEUNTUNGAN MEROSOT

36. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Perhubungan menyatakan sebab-sebab MAS telah merosot besar keuntungannya dalam tahun 1976 berbanding dengan tahun 1975 di mana telah memperolehi keuntungan sebanyak \$9.5 juta; dan apakah langkah dan tindakan yang sudah dan akan dijalankan untuk mengatasi masalah itu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Soalan ini adalah seakan-akan sama dengan soalan mulut yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kuala Selangor yang telah saya jawab pada 23hb Mac, 1977 di dalam Dewan ini dan saya tidak ada apa-apa tambahan kepadanya.

PENYELUDUPAN SENJATAPI DI SEMPADAN MALAYSIA/THAI

37. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada kawalan yang ketat dan rapi telah dijalankan oleh pihak berkuasa yang berkenaan mengenai penyeludupan senjata di sempadan Malaysia/Thai oleh kerana sekarang ini masih terdapat senjata digunakan tanpa kebenaran.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tindakan dan kawalan yang ketat dan rapi bagi mencegah kegiatan-kegiatan penyeludupan bukan saja senjata bahkan juga dadah dan orang-orang yang tidak diinginkan di Sempadan Malaysia/Thai sentiasa dijalankan. Kerajaan sudahpun memperketat serta memperhebatkan lagi perkawalan dan pemeriksaan di bahagian-bahagian sempadan khususnya di tempat-tempat rasmi, menambah rondaan di lorong-lorong dalam hutan dan mengadakan pemeriksaan mengejut di tempat-tempat tertentu. Tugas ini dilaksanakan oleh Unit Kawalan Keselamatan Sempadan yang baru ditubuhkan, (yang terdiri dari Polis, Kastam, Imigresen dan Lembaga Padi dan Beras Negara). Tugas ini juga dibantu oleh Unit Keselamatan Kawasan (ASU), dan RELA. Kita juga mendapat kerjasama yang rapat dan rapi dari Kerajaan Thai. Kawalan yang ketat juga diadakan di laut melalui Coordinated Patrol Zone (CPZ) di bawah perjanjian Kerajaan Malaysia/Thai.

REKRUT BARU POLIS DI RAJA DI SABAH

38. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) samada beliau sedar bahawa rekrut baru untuk pasukan Polis Di Raja di Sabah, dihantar berlatih ke Kuala Lumpur dengan pengangkutan udara tetapi setelah tamat latihan mereka dihantar balik dengan pengangkutan kapal laut dan adakah ini satu cara untuk menjimatkan wang, dan berapa lama lagikah cara ini akan diteruskan;
- (b) kiranya cara di atas dibuat untuk menjimat wang samada kerajaan bercadang hendak melatih rekrut-rekrut ini di Sabah dengan menubuhkan satu pusat latihan polis di sana.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Rekrut-rekrut baru untuk Pasukan Polis Di Raja Malaysia dari Sabah yang datang ke Semenanjung Malaysia untuk mengikuti latihan asas adalah dengan menaiki kapal laut dan begitu juga semasa dihantar balik.
- (b) Bagi tujuan persamaan/keseragaman dalam latihan asas bagi rekrut-rekrut baru untuk Pasukan Polis Di Raja, pihak Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan latihan asas itu di tempat-tempat lain; selain dari di Pusat Latihan Polis, Kuala Lumpur. Tetapi bagi maksud latihan ulang kaji, Polis Di Raja Malaysia akan mengadakan satu Pusat Latihan Kawasan di Kota Kinabalu, Sabah.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas maaslah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keempat”. (29hb Mac, 1977)

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyambung jawapan beliau.

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, menyambung semula jawapan saya semalam, saya suka menyentuh cadangan Yang Berhormat Dr Tan Chee Khoo dari Kepong supaya Kerajaan menubuhkan satu Kementerian Hal Ehwal Pengguna-pengguna atau Jabatan Hal Ehwal Pengguna atau Price Tribunal untuk melindungi pengguna-pengguna. Saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah sedia ada suatu Jawatankuasa Mengkaji Harga (Price Review Committee) untuk mengkaji dengan teliti semua permohonan kenaikan harga daripada pengeluar-pengeluar yang telah dikenakan syarat kenaikan harga sebelum dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri dan seterusnya ke Kabinet jika difikirkan perlu. Dalam Jawatankuasa tersebut telah sedia ada wakil-wakil dari Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan untuk menjamin supaya kepentingan pengguna dapat disuarakan. Oleh yang demikian tidaklah perlu ditubuhkan satu lagi badan yang akan menjalankan tugas yang sama ini. Untuk makluman Dewan ini, banyak negara-negara telah cuba menubuhkan “Price Tribunal” dan mendapati bahawa badan seperti ini tidaklah begitu berkesan seperti apa yang dicita-citakan.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Tengku Noor Asiah.....

Tuan Yang di-Pertua: Mesti sebut kawasan Ahli Yang Berhormat, dari kawasan mana.

Datuk Mohamad bin Rahmat: Dari kawasan Tumpat, Tuan Yang di-Pertua, yang menyatakan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan tidak begitu aktif dan tidak berkesan sama sekali untuk menolong mengurangkan kenaikan harga barang-barang, saya ingin menjelaskan bahawa Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan telah ditubuhkan untuk memberi nasihat kepada Yang Berhormat Menteri dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan harga barang-barang. Saya berpendapat bahawa Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan telahpun menjalankan peranannya dengan berkesan. Setakat ini Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan telah bermesyuarat 8 kali dan Panel-panelnya bermesyuarat 46 kali untuk membincangkan dan memberi pandangan terhadap berbagai perkara yang berkaitan dengan kepentingan pengguna yang termasuk pindaan undang-undang, kenaikan harga dan lain-lain lagi. Harusnya diingatkan bahawa dalam bentuk Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan yang sedia ada pada masa ini ianya bukanlah satu Ombudsman untuk mengawal harga barang-barang.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga telah mengesyorkan bahawa semua harga barang-barang yang dinaikkan oleh Kerajaan hendaklah disiarkan melalui sebaran am Kerajaan seperti Radio, TV dan akhbar-akhbar tempatan. Mengenai syor ini seperti yang telah saya terangkan tadi bahawa Kerajaan tidak mengawalkan harga semua barang-barang di negeri ini. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak menaikkan harga sesuatu barang itu. Sungguhpun demikian, seperti saya terangkan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ada mengawasi harga beberapa barang-barang perindustrian-perindustrian tempatan yang dikenakan syarat untuk mendapat persetujuan Yang Berhormat Menteri terlebih dahulu sebelum menaikkan harga barang-barang mereka. Biasanya jika permohonan daripada industri-industri ini diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kenaikan harga barang-barang itu diumumkan melalui kenyataan akhbar oleh industri-industri yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat tersebut juga menyentuh atas permohonan syarikat-syarikat minyak untuk menaikkan harga minyak

petrol. Untuk makluman Ahli Berhormat itu, permohonan ini masih lagi dalam kajian dan Kerajaan akan membuat keputusan atasnya selepas memberi pertimbangan berdasarkan kepada kepentingan rakyat jelata dan perkembangan pelaburan dan perusahaan serta perkembangan ekonomi negara seterusnya.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang Akta Penyelarasan Perindustrian. Saya sedar Akta ini telah menimbulkan kebimbangan dan kekhawatiran di kalangan setengah-setengah pihak terhadap beberapa peruntukan di dalam Akta tersebut yang mereka berpendapat boleh mengelirukan dari segi tafsiran dan juga pelaksanaannya. Kerajaan berazam untuk menghapuskan kebimbangan dan kekhawatiran itu dengan membuat pindaan-pindaan yang sesuai kepada Akta tersebut. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) 1977 telah dibentangkan di mesyuarat Parlimen yang ada sekarang ini dan Yang Berhormat Menteri akan menghuraikan dengan lebih lanjut lagi mengenai pindaan-pindaan tersebut apabila beliau membentangkan Rang Undang-undang Pindaan tersebut bagi bacaan kali keduanya.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telah menyeru Kerajaan supaya menempatkan industri-industri di kawasan-kawasan luar bandar dan dalam hal ini sukalah saya menyatakan bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menempatkan banyak lagi perusahaan-perusahaan di kawasan-kawasan yang kurang maju ataupun di kawasan-kawasan luar bandar. Pelabur-pelabur sentiasa digalakkan untuk mendirikan kilang-kilang di kawasan seperti itu dan sebagai galakan Kerajaan telah mengadakan berbagai-bagai jenis kemudahan infrastruktur yang perlu seperti mengadakan estate-estate perindustrian, bekalan letrik dan air di kawasan-kawasan yang kurang maju. Sebagai tambahan galakan-galakan cukai yang menarik seperti galakan tempat kedudukan (locational incentive area) yang menawarkan kelepasan cukai yang maksima selama 10 tahun pada projek-projek yang layak yang ditempatkan di kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan sebagai kawasan pelaksanaan tempat kedudukan (locational incentive area). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar penyelarasan perusahaan ini telah mencapai kejayaan yang memuaskan.

Ini ternyata bahawa dalam tahun 1971, dari sejumlah 304 buah projek-projek perindustrian yang diluluskan, 131 projek atau 43% telah ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju manakala dalam tahun 1975, dari 461 projek yang telah diluluskan, 312 projek atau lebih 60% telah ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan akan meneruskan dasarnya bagi menyelaraskan industri-industri ke kawasan-kawasan yang kurang maju.

Di antara keperluan-keperluan lain, pembangunan perindustrian di sesuatu kawasan bergantung kepada terdapatnya tapak-tapak yang sesuai yang mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur yang perlu untuk penubuhan industri-industri. Mengenai perindustrian di Negeri Perak, Kerajaan Negeri Perak dalam rancangan pembangunan perindustrian mempunyai keutamaan tertentu dari segi penempatan di dalam negeri. Sehingga kini, Kerajaan Negeri Perak telah memajukan satu kawasan perindustrian di Kuala Kangsar kira-kira 13 batu ke utara Sungai Siput dan satu lagi di kawasan Jelapang kira-kira 18 batu ke selatan Sungai Siput. Industri yang ditubuhkan di kedua-dua kawasan ini akan memberi pekerjaan kepada penduduk-penduduk di Sungai Siput. Dengan kemasukan industri-industri ke kawasan-kawasan ini adalah dijangka Sungai Siput akan turut menikmati hasil daripada rancangan perindustrian itu.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya Negara-negara Asean berkerjasama di antara satu sama lain di dalam bidang industri dengan mengadakan satu "package deal", sukalah saya menyatakan bahawa Negara-negara Asean telahpun memilih beberapa projek untuk dilaksanakan oleh tiap-tiap negara Asean. Projek-projek yang telah diperuntukkan bagi negara-negara Asean ialah: projek "urea" untuk negara Indonesia dan Malaysia; projek "diesel engine" untuk negara Singapura; projek "superphosphate" untuk negara Filipina dan projek "soda ash" untuk negara Thailand. Buat pada masa ini projek-projek tersebut masih dikaji dengan mendalam oleh tiap-tiap Negara Asean dan sekiranya projek-projek ini didapati "viable" maka Negara-negara Asean akan memberi "preferential trading arrangement" ke atas projek-projek tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelima-lima projek

ini adalah merupakan langkah pertama kerjasama di antara Negara-negara Asean di dalam bidang perindustrian.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melaksanakan rancangan meminjamkan pegawai-pegawai dari Kementerian ini untuk bekerja di sektor swasta, ingin saya maklumkan bahawa pihak Kerajaan pada satu ketika dahulu telah melaksanakan rancangan yang serupa ini, tetapi rancangan ini telahpun dihentikan mulai daripada bulan Jun, 1976 disebabkan oleh perkara-perkara tertentu, antara lain ialah pihak Kerajaan sendiri sekarang ini sedang mengalami kekurangan pegawai-pegawai yang terlatih. Di samping itu, universiti-universiti di negara ini telahpun mengeluarkan siswa-siswa yang semakin bertambah banyak dan oleh hal yang demikian Kerajaan berpendapat eloklah siswa-siswa tersebut diambil terus bekerja oleh sektor swasta tanpa melalui Jabatan-jabatan Kerajaan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Akhir sekali, sukaulah saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan ke atas kegiatan-kegiatan Kementerian ini dan saya ingin memberi jaminan bahawa Kementerian ini akan mengkaji cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mungkin ada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu yang mana tidak disentuh di dalam jawapan saya ini, maka sukacitalah saya berharap kalau perkara itu tidak disentuh supaya dapat Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung terus dengan Yang Berhormat Menteri untuk membincangkan perkara-perkara tersebut.

3.48 ptg.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan jawapan-jawapan kepada beberapa perkara mengenai hal ehwal Kementerian saya yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ketika membahaskan Titah Ucapan Di Raja beberapa hari yang lalu. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih ke atas teguran-teguran, pandangan-pandangan dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Segala teguran-teguran, pandangan-pandangan dan syor-syor Ahli Yang Berhormat itu akan diteliti dan jika sekiranya sesuai dan berfaedah akan dijadikan panduan untuk melaksanakan tugas Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah membangkitkan perkara pemberian kontrak kepada kontraktor-kontraktor Antarabangsa khususnya projek Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pulau Pinang. Saya memang tidak menafikan bahawa kebanyakan projek-projek besar telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor luar negeri. Ini memang benar jika sekiranya projek-projek besar seperti lapangan terbang, pelabuhan, lebuh raya dan lain-lain dibiayai oleh pinjaman luar seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan lain-lain. Ini ialah oleh kerana kita terpaksa mengikuti syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Bank-bank tersebut bagi mendapatkan pinjaman bagi projek-projek yang berkenaan. Antara syarat utama bagi tiap-tiap pinjaman luar ialah bahawa tawaran bagi kerja-kerja projek yang berkenaan mestilah dibuka di peringkat antarabangsa di mana firma-firma dari negeri-negeri yang menjadi Ahli Bank yang berkenaan dijemput. Walau bagaimanapun pendorong-pendorong dalam negeri, menyertai tawaran jika sekiranya mereka dapat memenuhi keperluan-keperluan asas (prequalification) yang ditetapkan oleh Bank. Di dalam kes projek Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pulau Pinang sebanyak 39 firma telah "diprequalified" dan di antaranya sebanyak 9 firma terdiri dari firma-firma tempatan.

Adalah tidak benar sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa kontraktor luar negeri yang berjaya hanya datang ke negeri ini dengan beg James Bond sahaja sedangkan segala kerja-kerja dijalankan oleh orang-orang tempatan. Sebenarnya bagi mana-mana projek yang besar yang telah diberikan kepada kontraktor luar, sebahagian besar daripada kerja-kerja adalah dijalankan oleh mereka sendiri. Penggunaan sub-kontraktor-sub-kontraktor di dalam kerja-kerja kontrak adalah suatu perkara biasa. Keadaan ini adalah disebabkan oleh dua faktor yang besar:

- (i) di mana pakar-pakar tempatan bagi sesuatu kerja itu ada didapati, kontraktor-kontraktor antarabangsa biasanya menggunakan mereka ini sebagai sub-kontraktor.

(ii) di dalam semua kontrak, kontraktor-kontraktor antarabangsa adalah dikehendaki menggunakan seberapa banyak yang boleh tenaga pekerja-pekerja tempatan (dalam negeri). Mereka tidak dibenarkan menggunakan pekerja-pekerja luar apabila pekerja-pekerja tempatan yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang setanding boleh didapati.

Projek Lebuhraya Kuala Lumpur/Petaling Jaya adalah satu-satunya projek yang telah diberikan oleh J.K.R. kepada pemborong Antarabangsa. Selepas itu beberapa projek-projek antarabangsa seperti lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban, Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak telah juga diberikan kepada pemborong-pemborong antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat beberapa firma tempatan yang telah menjalankan kerja-kerja sub-kontraktor kepada kontraktor-kontraktor antarabangsa bagi projek-projek besar seperti yang saya sebutkan sebentar tadi telah memperolehi pengalaman dan kebolehan yang cukup untuk memasuki tawaran-tawaran antarabangsa sebagaimana dibuktikan di dalam tawaran bagi projek Kuala Lumpur Traffic Dispersal Schemes I, II, III dan IV di mana dari sejumlah 13 firma yang telah diprequalified terdapat sebanyak 4 firma tempatan dan 4 firma usahasama antarabangsa/tempatan. Ini menunjukkan bahawa pengambilan kontraktor-kontraktor antarabangsa adalah memberi faedah juga kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Adalah diharapkan bahawa tidak lama lagi, kontraktor-kontraktor tempatan akan dapat menandingi kontraktor-kontraktor luar negeri dalam bidang kerja-kerja kontrak yang besar-besar di dalam negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyentuh masalah kekurangan bekalan air khususnya di negeri Perlis dan telah mengesyorkan supaya bekalan air didapati daripada atas Bukit China bersempadan dengan Siam.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas syor Ahli Yang Berhormat itu dan sukacita memaklumkan bahawa sumber air di Bukit China telahpun diketahui oleh J.K.R. sebagai salah satu daripada punca-punca air bagi negeri Perlis. Walau bagaimanapun setakat ini tindakan telah diambil untuk mendapatkan air daripada satu

taliair dekat Arau sebagai satu punca bekalan air untuk kawasan-kawasan berhampiran dengan Kangar.

Rancangan ini sedang di dalam pelaksanaannya pada masa sekarang dan dijangka akan siap di pertengahan tahun 1979. Ianya dijangka mempunyai keupayaan mengeluarkan air sebanyak 2 juta gelen sehari yang akan menambahkan bekalan air yang ada sekarang daripada 1.8 juta gelen kepada 3.8 juta gelen sehari. Batang-batang paip telahpun dipasang dan hampir kesemua tender-tender yang berkenaan kerja-kerja telah dipanggil. Kemajuan pelaksanaannya pada masa sekarang ialah lebih kurang 20%.

Bekalan air Arau ini apabila siap kelak akan dapat membekalkan air ke seluruh negeri Perlis hingga ke sempadan Kedah kecuali Padang Besar yang mempunyai rancangan bekalan airnya sendiri. Bagi kawasan Padang Besar pula suatu rancangan menyambung air daripada mata air sedang dilaksanakan. Rekabentuk telah disiapkan dan tawarantawaran akan dipanggil tidak lama lagi. Rancangan ini dijangka akan siap menjelang akhir tahun 1978.

Walaupun bagaimanapun punca bekalan air yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan jika ada keperluan kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah mengulangi rayuannya supaya diberikan bekalan letrik ke kawasannya terutama di Tanjong Belanja, Parit, Perak. Berhubung dengan sebuah rancangan rumah murah Kerajaan yang telah dirikan lama dahulu di kawasannya itu saya telahpun menjelaskan di dalam Dewan ini pada tahun yang lalu ketika menjawab pertanyaan mulut daripada Ahli Yang Berhormat itu iaitu rancangan rumah tersebut adalah termasuk di dalam projek bekalan letrik luarbandar bagi kampung Raja/Sadang Estate, Parit yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Projek tersebut yang terletak di dalam kawasan operasi Syarikat Pengeluaran Letrik Kinta Berhad (K.E.D.) telah tidak dapat dilaksanakan menjelang tamatnya tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua disebabkan pada masa itu syarikat tersebut telah menghadapi berbagai-bagai masalah. Walau bagaimanapun sekarang pihak Syarikat telah dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadap dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk melaksanakan projek-projek

yang telah dipertanggungjawabkan ke atasnya. Projek-projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan belum dilaksanakan pada akhir tempoh Rancangan tersebut adalah diberikan keutamaannya dari segi pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Berhubung dengan permohonannya supaya memasukkan bekalan letrik ke kampung-kampung yang lain di kawasan pilihanraya Ahli Yang Berhormat itu saya ingin menegaskan bahawa sesungguhnya Kerajaan Persekutuan akan membiayai kesemua kos bagi pelaksanaan projek-projek bekalan letrik luarbandar di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, Kementerian saya sentiasa meminta kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menasihatkan mana-mana projek yang dicadangkan untuk dilaksanakan terlebih dahulu. Ini oleh kerana Kerajaan Negeri sudah tentu lebih mengetahui secara mendalam dan menyeluruh kampung-kampung dan kawasan-kawasan yang memerlukan bekalan letrik di bawah Rancangan letrik luarbandar. Oleh itu adalah menjadi amalan yang biasa bahawa cadangan-cadangan bagi projek-projek baru adalah dipilih oleh Kerajaan Negeri sendiri mengikut keutamaan masing-masing.

Ahli Yang Berhormat juga ada menyebutkan bahawa wang peruntukan yang diadakan untuk Rancangan Bekalan letrik luarbandar tidak mencukupi. Ini mungkin benar di dalam Rancangan Malaysia Kedua dahulu di mana peruntukan kepada negeri-negeri adalah terhad. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum bahawa Kerajaan telah memberikan penekanan yang lebih kepada rancangan-rancangan kemudahan awam kepada rakyat di luarbandar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu peruntukan bagi bekalan letrik luarbandar di negeri Perak bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ialah sebanyak \$17.3 juta. Adalah diharapkan dengan peruntukan ini lebih banyak kampung-kampung di dalam negeri Perak termasuk yang di dalam kawasan Ahli Yang Berhormat akan mendapat faedahnya melalui rancangan Bekalan letrik luarbandar.

Berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Lembaga Letrik Negara dan KED sudah tidak ada persefahaman sekarang ini, saya ingin menjelas-

kan bahawa ini adalah tidak benar. Apa yang sebenarnya berlaku ialah soal penentuan tentang pihak mana yang akan bertanggungjawab menyumbangkan bantuan bagi pembinaan projek-projek di dalam kawasan KED. Walau bagaimanapun perkara ini telahpun diselesaikan dan saya ingin menegaskan bahawa Lembaga Letrik Negara dan Syarikat KED adalah sentiasa bekerja rapat untuk melaksanakan projek-projek untuk kepentingan rakyat dan negara.

Berhubung dengan pembinaan jalan sejauh 4 batu dari Kampung Belanja ke Kampung Teluk Perang, saya ingin memaklumkan bahawa jalan tersebut yang merupakan sebahagian daripada Jalan Pekan Tanjong Belanja ke Manong yang panjangnya 10 batu adalah diluluskan untuk diperelokkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Pada masa ini soal alirannya (alignment) sedang diuruskan oleh J.K.R. Negeri Perak. Jalan ini akan dibina kepada taraf jalan "laterite" pada peringkat permulaannya.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah menggesa supaya Kerajaan melaksanakan pembinaan infrastruktur seperti jalanraya dan jambatan di negeri Sarawak khususnya di dalam kawasan Mukah. Saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan memang ada rancangan untuk membina jalan-jalan dan jambatan-jambatan di negeri Sarawak di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk jalan-jalan pembangunan di Sarawak ialah sebanyak \$5 juta. Peruntukan sebanyak \$1.5 juta telah disediakan bagi tahun 1976 dan sebanyak \$1.5 juta lagi bagi tahun 1977.

Khususnya bagi kawasan Mukah saya ingin memaklumkan bahawa di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan Negeri Sarawak telah memperuntukkan sebanyak \$585,000 untuk membaiki Jalan Tillian/Petanak dan peruntukan sebanyak \$400,000 telah juga disediakan untuk Jalan Kampung Pinang. Bagi tahun 1976 pula peruntukan yang telah disediakan untuk Jalan Tillian/Petanak dan Jalan Kampung Pinang ialah sebanyak \$160,000 dan \$110,000. Peruntukan bagi tahun 1977 ialah sebanyak \$219,990 dan \$120,000.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah membangkitkan soal kelambatan pembayaran gantirugi kepada tuan-tuan punya sawah yang telah terlibat oleh pembinaan

stesyen microwave di Bukit Cherok Tokun di Bukit Mertajam. Saya sedar akan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk yang terlibat dan sangat-sangat simpati di atas kesusahan yang dialami. Walau bagaimanapun sebagaimana yang telah saya jawab di dalam persidangan Parlimen yang lepas perkara bayaran gantirugi ini adalah diuruskan oleh Peguam dan Syarikat Insuran yang berkenaan. Saya diberitahu bahawa kelambatan ini berlaku oleh pihak Peguam di dalam memproseskan tuntutan tersebut. Saya juga diberitahu bahawa pihak syarikat insuran telah bersetuju pada dasarnya untuk membayar 75% daripada jumlah tuntutan. Perkara ini telahpun dimajukan kepada pihak-pihak yang menuntut untuk dipersetujui.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah menyentuh secara umum mengenai rancangan-rancangan kemudahan awam Kerajaan ke kawasan-kawasan luarbandar terutamanya, jalan-jalanraya, bekalan air dan letrik. Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum Kerajaan kita telah memberikan perhatian yang berat terhadap rancangan-rancangan yang berkenaan itu di dalam Rancangan Malaysia Ketiga di mana peruntukan yang lebih besar telah disediakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut seberapa luas yang boleh ke kawasan-kawasan di luar bandar. Jadi masalah peruntukan bagi satu-satu negeri atau kawasan bukanlah menjadi masalah utama Kerajaan sekarang ini. Masalah yang tinggal ialah keupayaan jentera untuk melaksanakan projek-projek Kerajaan ini. Untuk tujuan ini Kementerian saya akan terus berusaha untuk menambahkan lagi bilangan kakitangan terutamanya kakitangan-kakitangan teknik untuk menampung beban kerja yang lebih besar ini.

Di samping itu saya ingin merayu kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya sentiasa memberikan kerjasama yang rapat kepada Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya di dalam melaksanakan projek-projek pembangunan di dalam kawasan-kawasan Ahli Yang Berhormat sekalian. Sememangnya berbagai-bagai masalah adalah sentiasa dihadapi untuk melaksanakan sesuatu projek. Antaranya yang mustahak ialah masalah mendapatkan tanah dan izin lalu daripada tuan-tuan tanah. Masalah-masalah ini sungguhpun kecil, jika timbul akan mengendalakan keseluruhan projek. Umpamanya di dalam pelaksanaan

rancangan bekalan letrik luarbandar pihak Lembaga Letrik Negara sering menghadapi masalah izin lalu dan tidak mendapat kebenaran untuk mencatas atau menebang pokok-pokok tertentu. Masalah ini adalah terdapat di mana-mana. Oleh itu kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah sangat-sangat dihargai untuk sama-sama mengatasi masalah-masalah seumpama ini demi untuk kepentingan pelaksanaan projek yang ditujukan untuk faedah rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Air Hitam telah menyentuh berkenaan dengan kemalangan jalanraya yang melibatkan motosikal. Saya suka menerangkan di sini bahawa Kerajaan memang bercadang hendak melaksanakan undang-undang pemakaian topi keledar itu ke seluruh negara. Setakat ini Kerajaan telah melaksanakan undang-undang tersebut dalam tiga peringkat yang meliputi lebih kurang 70% daripada jalanraya-jalanraya besar dan bandar-bandar besar di seluruh negara. Kerajaan sekarang ini sedang menimbangakan untuk meluaskan penguatkuasaan undang-undang tersebut ke kawasan-kawasan lain di dalam peringkat-peringkat seterusnya sehinggalah undang-undang topi keledar ini melibatkan penunggang-penunggang dan penumpang-penumpang motosikal di seluruh negara. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya mutu pengujian pemandu-pemandu kenderaan ditinggikan lagi. Saya suka memaklumkan di sini bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan sedang mengkaji semula cara-cara pengujian pemandu-pemandu untuk mendapatkan lesen memandu serta perkara-perkara lain yang berkaitan. Tujuannya ialah supaya menentukan orang-orang yang lulus untuk mendapatkan lesen memandu tidak akan menjadi punca kemalangan di jalanraya.

Berhubung dengan soal kemalangan jalanraya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua pengguna-pengguna jalanraya sekalian supaya bekerjasama untuk mengelakkan seberapa boleh dari melakukan kesalahan-kesalahan ketika memandu kenderaan yang boleh mengakibatkan kemalangan jalanraya. Kementerian saya sangat-sangat memandang berat di atas bertambahnya bilangan kemalangan jalanraya yang berlaku di seluruh negara dan meningkatnya angka-angka kematian akibat daripada kejadian-kejadian kemalangan di jalanraya dari setahun ke setahun.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum berbagai-bagai langkah dan ikhtiar telah diambil oleh Kementerian saya melalui usaha-usaha yang dijalankan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya untuk mengatasi masalah ini. Kempen-kempen Keselamatan Jalanraya terus dilancarkan dari semasa kesemasa bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang tanggungjawab apabila menggunakan jalanraya dan memberikan keinsafan tentang akibat buruk kemalangan jalanraya. Langkah-langkah yang lain juga diambil namun demikian kemalangan jalanraya terus berlaku.

Saya ingin menerangkan di sini bahawa punca utama kemalangan jalanraya ialah kesalahan manusia ataupun pemandu-pemandu sendiri. Statistik polis menunjukkan bahawa lebih kurang 70% daripada kemalangan-kemalangan jalanraya adalah didapati berpunca dari kesalahan pemandu-pemandu kenderaan. Contoh-contoh kesalahan pemandu ini ialah seperti mabuk, lalai atau leka ketika memandu, memandu dengan bahaya seperti terlampau deras dan melebihi had laju, memotong di tempat-tempat yang tidak sesuai, memandu dengan tidak bertimbangrasa, lebih muatan dan lain-lain lagi.

Oleh itu langkah yang paling mustahak untuk mengelakkan berlakunya kemalangan jalanraya ini adalah terletak di tangan pemandu-pemandu kenderaan sendiri. Oleh yang demikian saya ingin merayu kepada semua pengguna-pengguna jalanraya supaya sentiasa berwaspada dan cermat apabila memandu kenderaan dan mestilah sentiasa mempunyai perasaan tanggungjawab dan bertimbangrasa kepada pengguna-pengguna jalanraya yang lain. Di samping itu semua pemandu-pemandu kenderaan mestilah mematuhi segala panduan-panduan jalanraya dan kaedah-kaedah lalulintas serta menyesuaikan diri dengan keadaan jalanraya. Jika sekiranya semua pengguna jalanraya boleh memberikan kerjasama yang sepenuhnya untuk mematuhi segala tatasusila di jalanraya saya percaya kemalangan yang mengakibatkan kematian dan kecederaan ini akan dapat dielakkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jemput Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

4.08 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap menyentuh Kementerian saya samada memberi pandangan, menegur, mengkeritik ataupun mengecam terhadap langkah dan polisi yang dijalankan oleh pihak Kementerian sendiri. Maka di sini izinkan saya untuk memberi sedikit jawapan atas ala kadar sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar membangkitkan soal jatuhnya nilai dan harga tanah simpanan Melayu apabila tanah itu hendak dijual ataupun hendak diambil balik oleh Kerajaan bagi satu-satu projek atau rancangan. Seperti sama-sama kita ketahui bahawa nilai bagi harga tanah yang diambil balik oleh Kerajaan kerana kepentingan orang ramai adalah bergantung kepada urusan jual beli tanah ataupun bergantung kepada harga pasaran tanah itu sendiri pada ketika di mana tanah itu hendak diambil balik oleh pihak Kerajaan. Adapun tentang soal urusan niaga jual beli tanah di luar daripada soal ambil balik oleh pihak Kerajaan, ini adalah urusan sendiri pihak tuan tanah dengan pihak pembeli dan pihak Kerajaan tidaklah dapat campur tangan dalam perkara itu. Tinggi atau rendahnya nilai sesuatu tanah itu adalah bergantung kepada keadaan tanah itu sendiri dan kepentingan tanah itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Semerah telah membangkitkan perkara rancangan membuka tanah di kawasan sempadan, memanglah Kerajaan telahpun mempunyai rancangan untuk membuka tanah-tanah yang ada di sempadan negara bagi menjamin keselamatan tempat itu sendiri. Rancangan-rancangan seperti ini adalah didasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan ekonomi yang berbeza dan juga berdasarkan kepada kepentingan keselamatan. Tentulah dalam soal mewujudkan rancangan seperti ini pertimbangan-pertimbangan biasa seperti dibuat pada rancangan-rancangan tanah lain tidaklah dapat diikuti. Perkara-perkara yang menjadi soal pokoknya ialah soal keselamatan dan adalah dijangka apabila kajian dapat dilakukan, rancangan-rancangan tanah di bahagian sempadan, itu, insya Allah akan dapat dibuka.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah membangkitkan perkara-perkara berkenaan dengan pemegang lesen tumpangan sementara (T.O.L.) di atas tanah yang telahpun diduduki lebih daripada 30 tahun. Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini memang ada dalam perhatian Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri. Kuasa bagi menyelesaikan tanah-tanah T.O.L. supaya menjadi hakmilik dan sebagainya adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri itu sendiri. Walau bagaimanapun, perkara seperti ini sedang dikaji dengan secara mendalam oleh pihak Kementerian ini dan saya akan membuat beberapa siri lawatan ke seluruh negara. Dan satu daripada perkara yang akan menjadi perhatian Kementerian saya ialah perkara tanah-tanah T.O.L. yang sudah lama diberi kepada rakyat itu agar dapat diselesaikan dengan seberapa cepat yang mungkin.

Berhubung dengan soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, tidaklah payah saya memberi jawapan di sini, kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam telahpun memberikan butir-butir jawabannya dengan tepat.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berkenaan dengan kedudukan tanah rancangan FELDA di Kemendor Negeri Melaka. FELDA Kemendor ini adalah salah satu daripada lima rancangan yang telahpun selesai hutang atau yang telahpun peneroka-peneroka itu membereskan hutang masing-masing apabila sistem baru bayaran kembali dilaksanakan pada awal tahun 1975, dan didapati bahawa kebanyakan daripada peneroka-peneroka di rancangan ini mempunyai kelebihan. Kelebihan tersebut telahpun dibayar balik kepada peneroka-peneroka itu. Sistem baru pembayaran balik wang pinjaman bagi rancangan-rancangan getah yang mempunyai luas kawasan lapan ekar dan ke bawah adalah mengikut kepada susunan seperti berikut:

Bahagian luas kawasan purata	Nilai
8 ekar	\$1,200 seekar
7 ekar	\$1,050 seekar
6 ekar ke bawah ...	\$ 750 seekar

Dengan demikian bayaran kenaikan harga akan dikutip juga apabila harga RSSI

f.o.b. melebihi 44 sen sepaun walaupun bayaran penilaian atas harga projek dan tanah itu telahpun selesai dibuat oleh peneroka-peneroka itu sendiri.

Pada 1-1-1975 tiada potongan bayaran balik pinjaman tetap dibuat bagi peneroka-peneroka rancangan FELDA Kemendor kerana mereka telah menyelesaikan hutang seperti saya katakan tadi. Sungguhpun demikian, beberapa potongan masih lagi diteruskan. Potongan tersebut ialah:

- Bayaran kenaikan harga seperti saya sebutkan tadi. Bayaran ini dikenakan apabila harga tetap RSSI f.o.b. melebihi 44 sen sepaun. Kutipan bayaran kenaikan harga (b.k.h.) ini berdasarkan kepada harga getah iaitu apabila harga getah tinggi maka jumlah b.k.h. yang dibayar oleh seorang peneroka juga bertambah. B.K.H. akan dikutip selama 15 tahun mulai daripada tarikh pokok getah itu ditoreh.
- Bayaran insuran ladang.
- Bayaran penyelenggaraan ladang.
- Bayaran C.S.C.

Mengenai dengan pembayaran C.S.C. adalah dimaklumkan bahawa peringkat satu, dua dan tiga rancangan Kemendor akan berhenti membayar C.S.C. pada tahun 1977/1978/1979 mengikut susunan peringkat. Di bawah ini saya nyatakan pendapatan purata peneroka-peneroka mengikut peringkat bagi tahun-tahun 1973 dan 1976 untuk dijadikan panduan.

	Bagi tahun 1973			Pendapatan bersih
Peringkat satu	\$464.15c.
Peringkat dua	\$481.17c.
Peringkat tiga	\$443.85c.
	Bagi tahun 1976	Pendapatan kasar		Pendapatan bersih
Peringkat satu	...	\$552.34c.	...	\$515.45c.
Peringkat dua	...	\$602.91c.	...	\$559.23c.
Peringkat tiga	...	\$449.17c.	...	\$402.99c.

Ini adalah merupakan pendapatan yang agak tinggi di dalam rancangan, oleh kerana rancangan ini telahpun selesai membayar hutang kepada FELDA mengikut sebagaimana lazimnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Rengam telah memberikan pandangan yang panjang lebar tentang penyertaan rakyat bukan bumiputra di dalam rancangan sektor pertanian negara terutamanya dalam rancangan tanah FELDA. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun memberikan jawapan yang panjang lebar pada hari semalam dan saya tidak bercadang hendak memanjangkan lagi jawapan itu. Cuma saya ingin menyatakan bahawa sepanjang ini FELDA telah menempatkan 40,866 keluarga dalam rancangan-rancangan-nya iaitu:

Negeri Johor	9,590	keluarga
Negeri Perak	2,522	"
Negeri Trengganu	2,455	"
Negeri Kedah	1,677	"
Negeri Selangor	1,850	"
Negeri Kelantan	257	"
Negeri Melaka	1,243	"
Negeri Negeri Sembilan	5,256	"
Negeri Pahang	16,056	"
JUMLAH	40,865	keluarga

Bagi tempoh daripada 1-1-1976 hingga 31-12-1976 jumlah keluarga yang telah dibawa masuk ke dalam rancangan ialah 5,338 keluarga. Ini menunjukkan kelebihan 338 keluarga daripada rencana yang disusun dan bagi tempoh 1-1-1977 sehingga 28-2-1977 keluarga yang dibawa masuk ialah sebanyak 1,031 keluarga.

Bilangan calon-calon FELDA yang berjaya tetapi masih belum dapat ditempatkan adalah berjumlah sebanyak 13,933 orang. Angka-angka ini adalah dikira sehingga bulan Februari tahun 1974. Apabila keputusan telah dibuat agar permohonan baru tidak diterima lagi sehingga kesemua mereka 13,933 keluarga itu ditempatkan ke rancangan-rancangan FELDA. Pada masa ini hanya Negri Sembilan dan Pahang sahaja yang bersedia menerima peserta dari kalangan bukan anak negeri menurut kadar berikut:

Negeri Sembilan peruntukan bagi anak Negeri 85% dan 15% untuk bukan anak Negeri.

Negeri Pahang 50% untuk anak Negeri dan 50% bukan anak Negeri.

Walau bagaimanapun penempatan peneroka-peneroka di Pahang dikaji dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa Peringkat Negeri dan hasilnya dapatlah dibayangkan oleh nisbah pada Februari, 1977 iaitu daripada jumlah peneroka 15,689 keluarga maka anak negerinya ialah 6,278 keluarga dan bukan anak negeri 9,411 keluarga. Bermakna bagi anak negeri hanya 40.02% dan bagi bukan anak negeri Pahang 59.98%.

Masalah memenuhi quota bagi anak-anak negeri Pahang masih ada sungguhpun pihak FELDA menggalakkan penyertaan mereka dengan melonggarkan beberapa syarat seperti had umur dan sebagainya. Masalah yang dihadapi ialah bahawa dengan tidak terisinya quota untuk anak negeri Pahang, maka FELDA terpaksa menanggung beberapa kerugian seperti kerosakan dan kecurian barang-barang rumah. Tetapi baru-baru ini Kerajaan Negeri Pahang telahpun melonggarkan quota 50% dengan membenarkan FELDA membawa masuk peserta-peserta daripada luar negeri Pahang untuk memenuhi mana-mana kekosongan jika Pahang tidak dapat memenuhi quota bagi anak negerinya. Terhadap masalah ini saya dengan ikhlasnya menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana begitu murah hati membuka peluang kepada peserta-peserta daripada bukan anak negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa bagi menetapkan peserta-peserta adalah terletak kepada Kerajaan Negeri. FELDA telah berusaha dan memberi keutamaan kepada negeri-negeri yang kekurangan program pembukaan tanah, tetapi masalah yang timbul ialah bahawa negeri-negeri tersebut ialah kekurangan tanah. Maka inilah satu perkara yang timbul. Oleh kerana rancangan-rancangan FELDA semasa Rancangan Malaysia Ketiga akan hanya dapat menampung bakal-bakal peserta yang sudah ditetapkan pada Februari, 1974 yang berjumlah lebih kurang 14,000 orang kurang sedikit maka nampaknya masalah pengagihan munafaat sedemikian hanya akan dapat diatasi dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat dan Rancangan Malaysia Kelima yang akan menjelang pada masa yang akan datang. Ini haruslah dapat difahami bersama dengan kerana seperti yang telah disebutkan tadi senarai peserta-peserta yang berjaya masih berjumlah hampir 14,000 keluarga atau angka sebenarnya 13,933 orang

yang terdiri daripada orang awam 13,424; kaum nelayan 201 dan bekas Pasukan Keselamatan 308 orang. Selagi jumlah ini tidak dapat diselesaikan maka angkatan baru tidaklah kita ambil dengan mudahnya kerana ini menyebabkan pula senarai menunggu akan bertambah jumlahnya.

Tuan Yang di-Pertua, FELDA mempunyai 186 kawasan rancangan, 33 daripadanya adalah kawasan Reserve Melayu. Tentulah Yang Berhormat itu sendiri dapat faham bahawa di dalam kawasan-kawasan Reserve Melayu hanya orang-orang Melayu sahaja yang boleh ditempatkan, dan bagi kawasan-kawasan yang bukan Reserve Melayu ini bergantunglah kepada keadaan senarai yang menunggu dan bergantung pula kepada polisi bagi tiap-tiap Kerajaan Negeri itu sendiri. Walau bagaimanapun seperti yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri bahawa pihak Kementerian, pihak Kerajaan kita, sentiasa memberikan perhatian yang mendalam dalam soal untuk mewujudkan satu masyarakat yang seimbang dalam semua bidang dan semua lapangan termasuk lapangan pertanian ini.

Saya suka menyatakan suara-suara yang diterbitkan seperti yang diterbitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rengam ini sudah lama dikeluarkan di dalam Dewan ini dan suara-suara ini hampir-hampir mempunyai nada yang sama walaupun datangnya daripada golongan yang berbagai-bagai atau golongan yang bertentangan, diseru oleh kerana alat-alat instrument yang dimainkan itu ialah alat-alat jenis yang sama. Jika Ahli Yang Berhormat merasa tidak puashati tentang perkara ini dan membuat kenyataan awam berkenaan dengannya dengan cara yang tidak bertimbang rasa, dengan cara yang mengeneipkan perhitungan-perhitungan selanjutnya dari berbagai segi yang lain, saya khawatir bahawa Yang Berhormat sedang cuba bermain api. Saya suka mengingatkan kepada siapa sahaja yang suka bermain api bahawa jika api ini menyala dan maraknya membesar, maka akibatnya tidak akan terganggu oleh kita sekalian. Saya percaya banyak pencapaian-pencapaian yang telah kita dapati setakat ini akan musnah menjadi abu, dimakan oleh api yang pada mulanya kecil yang dimainkan oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Panti ada menimbulkan masaalah memberikan penilaian terhadap kejayaan rancangan-rancangan FELDA.

Kementerian saya memang sedar bahawa rancangan-rancangan tanah FELDA hanya dapat dikatakan berjaya sepenuhnya apabila kita meletakkan asas-asasnya kepada menimbangkan aspek-aspek yang berikut:

- (1) Setakat mana matlamat pembukaan tanah itu dapat dicapai.
- (2) Kos pembangunan yang dibelanjakan samada rendah ataupun tinggi.
- (3) Bilangan peserta-peserta yang telah diambil.
- (4) Kebolehan mengadakan pekerjaan.
- (5) Kebolehan meninggikan pendapatan petani-petani yang terlibat.
- (6) Kebolehan mewujudkan masyarakat petani moden yang sanggup berdikari yang mempunyai nilai-nilai dari dua segi pembangunan rohani dan jasmani.

Adalah nyata bahawa perkara (1) hingga (5) pada anggapan saya telahpun dapat dicapai dengan baik, cuma soal ini ialah perkara yang ke (6). Sekarang Kementerian saya sedang mengusahakan di dalam peringkat-peringkat bagi mewujudkan petani-petani moden yang berdikari yang mempunyai nilai-nilai akhlak dan nilai-nilai jasmani yang baik. Lembaga-lembaga Masyarakat telah mencapai matlamat ini telah diadakan dalam rancangan FELDA. Lembaga-lembaga Masyarakat telahpun diwujudkan di dalam rancangan ini bagi mencapai matlamat yang telah dirancang oleh FELDA ini.

Saya percaya Yang Berhormat sendiri tentulah maklum bahawa mengadakan satu masyarakat yang berdikari akan mengambil masa yang agak panjang oleh kerana masyarakat FELDA bukannya terdiri dari satu kelompok kaum tetapi terdiri dari berbagai-bagai kampung yang mempunyai adat resam yang berlainan. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa masyarakat FELDA sekarang sedang menuju ke arah sepertimana yang terdapat sekarang.

Mengenai perkara bagi mengadakan kemudahan awam, ini adalah menjadi tujuan FELDA menyediakan kemudahan seperti bekalan air, sekolah, klinik dan lain-lain sebelum peneroka-peneroka itu dimasukkan ke dalam rancangan-rancangan. Tetapi oleh kerana kesulitan-kesulitan yang dialami oleh Jabatan Kerja Raya umpamanya untuk menyediakan kemudahan-kemudahan itu ada juga sekali-sekala didapati kemudahan

tersebut belum disiapkan semasa kemasukan peneroka-peneroka itu ke dalam rancangan. Pihak FELDA adalah sentiasa mengawasi supaya kemudahan-kemudahan yang berkenaan itu dapat disediakan seberapa yang boleh sebelum kemasukan peneroka-peneroka itu di dalam rancangan yang tersebut.

Berkenaan dengan soal pelajaran agama dan soal pembangunan rohani di kalangan peserta seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, memanglah pihak FELDA sendiri pun sentiasa memberikan keutamaan dalam perkara ini. Pegawai-pegawai pembangunan peneroka telah juga dilantik dan ada perlantikan itu terdiri daripada orang-orang yang ahli dalam perkara agama untuk memberikan kerjasama dan bantuan bagi mewujudkan satu masyarakat yang mempunyai nilai-nilai hidup yang berpandu kepada kesucian agama, berpandu kepada ajaran agama yang suci. Walaupun perkara perlantikan pegawai-pegawai itu sampai pada masa sekarang ini masih belum mencukupi tetapi usaha sedang diatasi bagi memenuhkannya. Sambil itu pihak FELDA juga telah dapat mengadakan kerjasama dengan pihak Yayasan Dakwah Malaysia supaya diadakan sekali-sekala atau secara berkala rancangan-rancangan dakwah di dalam rancangan FELDA ini dan memang rancangan-rancangan dengan kerjasama di bawah Yayasan Dakwah itu telah pun dapat dijalankan dengan baik dan hasilnya Alhamdulillah amatlah memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Maran ada membangkitkan beberapa perkara terutamanya berkenaan dengan kontraktor bumiputra dalam kerja-kerja rancangan FELDA. Nampaknya suara yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat ini mendapat tempat yang agak lumayan di dalam surat-surat khabar, sehingga menggambarkan seolah-olah dari suara yang dibayangkan dalam akhbar itu seolah-olah suatu kecaman yang begitu hebat yang ditujukan kepada FELDA dan Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan telah berlaku di dalam rancangan FELDA terhadap kontraktor-kontraktor bumiputra sambil menyarankan supaya diadakan satu dialog di antara Pengerusi atau Pengarah Besar FELDA dengan pihak kontraktor-kontraktor bumiputra, dan ada kalimah cabarannya dikeluarkan, kalau Pengarah Besar FELDA tidak sanggup mengadakan dialog, dia mencabar supaya Pengarah

Besar FELDA meletakkan jawatan. Ini memanglah, cakap sebagai orang yang di luar yang memerhati benda yang berjalan di dalam bayang-bayang cermin yang samar-samar, memang sedap. Tetapi saya terpaksa-lah dalam Dewan yang mulia ini menyatakan perasaan dukacita saya kepada sikap Ahli Yang Berhormat itu. Kerana sementara Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan satu dua soalan terhadap nasib seorang berdua bumiputra yang menjadi kontraktor dan oleh kerana saya tidak memberi jawapan terhadap soalan itu disebabkan perkara yang dibangkitkan itu adalah perkara di dalam arbitration yang saya anggap *sub judice*, maka Ahli Yang Berhormat telah mengambil peluang di dalam Dewan yang mulia ini untuk bercakap menyatakan sesuatu yang beliau tidak puas hati.

Saya memang sependapat dengan semua orang bahawa tidak ada satu perkara pun di dalam dunia ini yang boleh memberikan puas hati. Tidak ada kerja manusia yang dibuat oleh manusia ini yang dapat memuaskan hati sama sekali tetapi menyatakan satu penyelewengan telah berlaku ini adalah satu kenyataan yang keterlaluan. Setakat hari ini, saya masih lagi percaya kepada kebolehan dan kejujuran yang ada kepada sebahagian besar daripada pegawai-pegawai FELDA yang menjalankan kerja bertungkus-lumus siang malam bagi mencapai objektifnya rancangan pembangunan Malaysia kita ini sehingga dalam masa Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan masuk Ketiga ini, FELDA telah melaksanakan lebih daripada anggaran ataupun amanah yang diberikan oleh negara kepadanya untuk membuka rancangan-rancangan tanah bagi keperluan rakyat yang tidak berada.

Dalam soal kontraktor-kontraktor bumiputra, mungkin ada berlaku satu dua kejadian di mana kontraktor-kontraktor bumiputra itu gagal dalam menjalankan tugasnya, maka hal seperti yang demikian menyebabkan timbul kerugian. Akan tetapi, tidaklah boleh kita katakan bahawa keseluruhan kontraktor bumiputra yang bekerja mengambil kontrak di dalam FELDA ini semuanya gagal dan telah diselewengkan oleh pegawai-pegawai FELDA.

Untuk makluman Dewan ini, saya suka menyatakan bahawa peratus penyertaan bumiputra di dalam bidang kontrak di rancangan-rancangan FELDA dari setahun ke setahun adalah bertambah. Dan bolehlah

saya katakan bahawa hanya tidak sampai 20% daripada jumlah kontraktor-kontraktor bumiputra itu yang gagal. Kesemuanya lebih daripada 80% adalah berhasil dan berjaya.

Daripada segi kegagalan ini yang bukan bumiputra pun juga menempuh kegagalan cuma perbezaan peratusnya berbeza. Adalah dianggarkan yang bukan bumiputra tidak sampai 10% yang gagal.

Saya suka menyebutkan butir-butirnya :

Tahun 1974

Kontraktor Bumiputra	Bukan Bumiputra
(1) Pertanian \$12,079,979.41 (28.55%)	\$30.2 juta
(2) Kejuruteraan dan process'ng \$1,171.00 juta (16.36%)	\$ 5.9 juta (83.6%)
(3) Bekalan \$1.255 juta	\$10.4 juta

Keseluruhan jumlah nilai kewangannya bumiputra ialah \$14,505,508.35 sedangkan bukan bumiputra \$46,712,686.19—perbezaannya: 23.69% bumiputra—76.31% bukan bumiputra.

Pada tahun 1975 peratus ini meningkat:

Bumiputra	25.16%
Kongsi bumiputra dan bukan bumiputra	1.13%
Bukan Bumiputra ...	73.71%

Tahun 1976 peratus bumiputra meningkat lagi kepada:

Bumiputra	38.21%
Kongsi bumiputra dan bukan bumiputra	1.16%
Bukan Bumiputra ...	60.63%

Tahun 1977 anggarannya adalah lebih kurang dengan tahun 1976 sebab anggaran tahun 1977 dianggarkan di antara bulan Januari dan Februari baru dua bulan—bumiputra telah meningkat kepada 39.23% dan bukan bumiputra 60.7% dan yang berkongsiannya tidak ada.

Melihatkan kepada geraf yang saya gambarkan ini, Tuan Yang di-Pertua, jelaslah kepada kita bahawa perkembangan usaha-usaha ataupun perkembangan perusahaan bumiputra di bidang kontraktor di dalam rancangan FELDA mendapat perhatian yang sewajarnya oleh pihak penguasa dalam FELDA ini sendiri. Dan semenjak ini pihak Kementerian saya telah menubuhkan satu jawatankuasa yang khusus untuk memberikan perhatian kepada keadaan kontraktor-kontraktor bumiputra yang bekerja

di bawah mana-mana perbadanan ataupun agensi yang terletak di bawah Kementerian saya. Jawatankuasa itu dipengerusikan sendiri oleh Timbalan Menteri saya Dr Sulaiman.

Dan semenjak jawatankuasa ini ditubuhkan peranan yang telah dimainkan amatlah memuaskan. Boleh dikatakan segenap bumiputra yang menempuh masalah-masalah dalam perkara kontrak dengan pihak FELDA menggunakan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri sebagai satu alat untuk menyelesaikan pertikaian mereka. Dan Alhamdulillah, banyak yang telah dapat diselesaikan melalui Jawatankuasa ini. Jadi hendak meletakkan bahawa FELDA telah menyeleweng dalam soal bumiputra di bidang kontraktor ini tidaklah tepat dan tidak kena. Sayangnya, sebahagian daripada orang kita tidak dapat memahami hakikat ini. Mereka cuba hendak membandingkan kerja-kerja kontrak di dalam FELDA ini sama dengan kerja-kerja kontrak di bawah J.K.R. Kontrak-kontrak di bawah J.K.R. memang dapat diberikan keutamaan 5%-10% lebih kepada bumiputra kerana menimbangkan peranan bumiputra di bidang perusahaan dan perdagangan. Tetapi di dalam FELDA tidak dapat dibuat begitu. Sebab wang kontrak yang dibayar kepada kontraktor itu akan dibayar balik oleh tiap-tiap seorang peneroka atau peserta di dalam FELDA. Segenap sen yang lebih dibayar kepada bumiputra bermakna segenap sen itu pulalah terpaksa dipikul bebannya oleh setiap peserta di bawah rancangan FELDA. Bukan Kerajaan yang menanggungnya. Di sinilah timbulnya soal falsafah yang harus kita ikut. Apakah kita hendak menimbangkan seorang bumiputra yang menjadi saudagar sebagai kontraktor atau 5,000 bumiputra menjadi peneroka dalam rancangan itu? Siapa yang mesti dikorbankan di dalam soal mencari penyelesaian ini? Inilah masalah yang timbul sekarang. Bukan maksud kita hendak mengorbankan kontraktor bumiputra. Tetapi jangan dengan kerana hendak menimbangkan satu pihak mengorbankan satu pihak yang lain dengan begitu teruk. Dalam pada itu pun pada hakikatnya tidak pernah berlaku pengorbanan terhadap bumiputra di bidang kontrak. Cuma apa yang berlaku seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam soal itu—itu adalah satu hal yang specific dan tidak dapat diterangkan sebab masih dalam arbitration seperti yang saya sebutkan tadi.

Memang benar, seperti yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukan sahaja rakyat, orang kampung biasa yang menjadi kontraktor bumiputra bahkan mahasiswa-mahasiswa ataupun lepasan-lepasan universiti pun ada yang menjadi kontraktor. Bahkan bukan lepasan universiti sahaja, yang pernah menjadi lecturer universiti pun ada. Tetapi satu perkara yang harus diperhatikan tidak semuanya lepasan universiti atau lecturer universiti tahu membuat kerja dalam perdagangan. Seperti juga tidak semua orang yang lulus di dalam bidang perdagangan boleh menjadi lecturer universiti dalam bidang yang berlainan dengan kebolehan dan kemampuannya.

Ukuran maju-jayanya seseorang kontraktor atau seseorang saudagar di dalam bidang-bidang ini tidak bergantung kepada soal peranannya pada masa yang lalu, tetapi bergantung kepada kesungguhannya, kejujuran dan kebolehan kerjanya. Banyak kontraktor-kontraktor yang bukan bumiputra, menulis China pun barangkali tidak berapa betul, bercakap bahasa Inggerisnya pun lintang-pukang dan bercakap Bahasa Melayu apatah lagi—tetapi mereka berjaya menjadi seorang millionaire kerana kegihannya dalam bidang-bidang yang dia telah tumpukan sekian lama.

Jadi, di sinilah terletak persoalan yang harus kita kaji. Kalau ada seorang dua kontraktor-kontraktor bumiputra gagal dalam rancangan FELDA dan oleh kerana kegagalan tadi terpaksa FELDA mengambil tindakan demi menjaga kepentingan beribu-ribu peneroka-peneroka janganlah perkara ini dianggap sebagai satu penganiayaan yang dibuat oleh FELDA, sebab FELDA bukan majikan, FELDA bukan majikan yang mencari keuntungan di dalam ladang-ladang estet. FELDA hanya ejensi negara bagi memajukan dan mewujudkan satu lapangan pekerjaan di bidang pembangunan tanah demi untuk pembangunan negara dan kepentingan orang ramai. Kalau kedapatan di antara kakitangan FELDA sendiri yang menyeleweng, hal ini tidak akan terlepas daripada mata dan tidak akan terlepas daripada perhatian yang diberikan oleh negara sendiri. Kalau ada mereka melakukan korupsi kita ada B.S.N., kalau salah dalam kerjanya, kita ada bahagian perjawatan boleh mengambil tindakan disiplin kepadanya. Sebab itu kalau-lah di antara Ahli Yang Berhormat ada bukti-bukti yang sah dan nyata yang boleh

diketengahkan tentang penyelewengan seorang dua daripada pegawai FELDA, tolonglah bawa bukti-bukti itu kepada pihak saya atau pihak siapa sahaja yang berkenaan supaya perkara ini dapat kita kaji dengan teliti. Jika sah bahawa memang kakitangan FELDA itu ada penyelewengan berlaku ataupun ada kecurangan berlaku, kita tidak segan-segan melakukan tindakan demi untuk menjaga nama baik negara dan untuk mencapai kejayaan rancangan negara ini.

4.41 ptg.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor meminta Kementerian Pertanian menerangkan perancangan percantuman syarikat-syarikat kerjasama berasaskan pertanian yang kecil dan tidak ekonomik menjadi sebuah syarikat yang viable kedudukannya. Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya perancangan ini bukanlah satu perkara baharu dan telah selalu diterangkan di mana-mana juga dan telah tersiar banyak di dalam mass media, tetapi oleh kerana ditanya juga di dalam Dewan ini maka saya hanya bercadang hendak menjawabnya secara ringkas sahaja. Strategi Kementerian Pertanian adalah untuk mewujudkan golongan petani-petani yang berorientasikan perdagangan dan perindustrian melalui gerakan koperasi dan mencantumkan pertubuhan koperasi yang kecil-kecil itu supaya menjadi koperasi yang besar dan viable, mempunyai taraf pengurusan yang berkesan dan kedudukan kewangan yang kokoh.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, petani-petani di dalam negara kita ini terlingkung samada tidak masuk ke dalam sebarang gerakan koperasi, itulah yang banyak kira-kira 2/3 daripada mereka itu, dan mereka yang termasuk di dalam koperasi adalah Persatuan Peladang dan syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian. Kedua-dua pertubuhan ini kita hendak cantumkan menjadi koperasi peladang, ini matlamat kita. Dalam hubungan ini program Rancangan Malaysia Ketiga adalah untuk mencantumkan 1,533 syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian dengan 109 persatuan peladang untuk menjadi 210 buah koperasi peladang yang berasaskan pertanian. Hingga akhir tahun 1975 sebanyak 163 buah koperasi peladang telah dapat diwujudkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu juga mengkritik FAMA, beliau menyatakan bahawa FAMA tidak ada program, FAMA tidak mampu menjalankan pekerjaannya sehingga harga barang-barang yang dikeluarkan oleh petani-petani tidak terjaga pasarnya. Jadi untuk menuduh melalui begitu sahaja adalah suatu perkara yang tidak adil kerana hasil-hasil pertanian ini terbahagi kepada beberapa jenis bergantung kepada keadaan pasarnya. Pertama sekali iaitu jenis pertanian yang bergantung pasarnya dalam negeri sumpama sayur-sayuran, buah-buahan dan juga kacang tanah. Jadi, pasaran di dalam negeri kita ini adalah sangat terhad kerana penduduk kita hanyalah kira-kira 12 juta dan juga secara amnya berkenaan dengan sayur-sayuran, buah-buahan tempatan ini umumnya kita bolehlah dikatakan self-sufficient, cuma ada sesuatu ketika berlebihan dan pada suatu ketika kurang. Ini disebabkan oleh beberapa faktor pertama sekali ialah disebabkan oleh faktor cuaca, kalau di musim tengkujuh ataupun musim kemarau panjang tanah kering-kontang ataupun banjir, maka tanam-tanaman ini banyak yang musnah. Oleh kerana tanaman-tanaman ini musnah maka terdapatlah kekurangan bekalan hasil-hasil tanaman itu dan menyebabkan harganya melambung tinggi. Sebaliknya, apabila biasanya kalau pada satu musim itu hasil tinggi maka tidak dapat dikawal, petani bertanam tanpa minta nasihat daripada pegawai-pegawai FAMA. Dalam setengah tempat pula orang-orang tengah mendahulukan benih-benih kepada petani-petani tanpa mendapatkan nasihat daripada pegawai FAMA terus bertanam dengan banyaknya kerana pada musim yang dahulunya itu harga hasil itu tinggi. Jadi, bila sudah terlalu banyak dikeluarkan pada musim yang akan datang maka otometiklah jatuh.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Di sini saya berharaplah petani-petani sekalian menggunakan nasihat pegawai-pegawai FAMA dalam perkara pemasaran kalau tidak perkara jatuh harga akan timbul dari semasa ke semasa. Tambahan pula sebagaimana yang saya katakan tadi hanya kira-kira satu per tiga sahaja daripada petani-petani negara kita ini yang masuk ke dalam koperasi-koperasi petani-petani yakni koperasi peladang di bawah apa nama

sekalipun dan selebihnya itu bersendirian. Kadang-kadang taukeh-taukeh ini memberikan pendahuluan benih dengan tujuan supaya berlambak-lambak hasil di pasaran dengan tujuan mereka dapat membeli dengan murah. Di sini petani-petani terperangkap oleh kerana gula-gula yang diberikan oleh taukeh di setengah-setengah tempat. Perkara ini amat meruncingkan terutama sekali dalam bidang kacang tanah. Jadi, kesimpulannya saya berharap petani-petani mendapatkan nasihat dahulu daripada pegawai-pegawai FAMA yang ada di tiap-tiap negeri dan ada di kebanyakan daerah sebelum bertanam dengan banyak, kecualilah kalau bertanam untuk keperluan makanan sendiri itu soal lain.

Peranan FAMA, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu peranan yang sulit. Sewaktu harga baik semua orang lupakan FAMA, waktu harga hasil jatuh semua orang teringatkan FAMA dan semua orang marahkan FAMA termasuklah setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya waktu bertanam petani-petani tidak mendengar nasihat daripada pegawai-pegawai FAMA, saya boleh perintahkan, dari segi saya tidak susah, saya boleh perintahkan pegawai-pegawai FAMA beli segala hasil petani yang tidak dapat dijual di pasaran bebas itu. Kalau sudah kita beli, Tuan Yang di-Pertua, hendak kita buat apa dengan hasil yang terlalu banyak itu, hendak stockpile—sayor berapa hari kita boleh stockpile. Kacang tanah berapa minggu kita boleh stockpile, kobis berapa minggu kita boleh stockpile. Kalau kita hendak beli tanpa had sekalipun adakah negara kita mampu untuk mengeluarkan wang sampai beratus-ratus juta ringgit untuk membeli segala hasil yang dikeluarkan oleh petani-petani yang tidak dapat pasaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan bercakap di dalam Dewan ini berkehendakkan FAMA membeli hasil-hasil pertanian dengan sepenuhnya, maka adalah merupakan satu percakapan yang tidak berasaskan kepada reality ekonomi dan kewangan negara kita.

Jadi jalan yang paling baik untuk keluar daripada masalah pemasaran ini ialah dengan cara berunding dan mendapatkan nasihat terlebih dahulu sebelum petani-petani itu memulakan tanaman sesuatu jenis

pertanian itu. Inilah satu cara yang baik menyelamatkan petani-petani dan juga menyelamatkan wang negara kita.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyangsikan dan menuduhkan FAMA tidak ada rancangan pemasaran. Tuan Yang di-Pertua, FAMA telah dan akan mengadakan kemudahan-kemudahan memproses yang diperlukan. FAMA telah mengadakan kemudahan memproses kopi di kawasan-kawasan pengeluaran kopi yang terbesar di Banting, Selangor dan telah mengadakan pusat-pusat memproses kelapa kering di Bagan Datok, Sabak Bernam, Bachok dan Rengit. Pusat-pusat memproses kelapa kering sedang didirikan di Sebangon, Sarawak. 14 lagi pusat-pusat memproses kelapa kering akan didirikan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga termasuk sebuah di Kuala Selangor. FAMA telah juga mengadakan sebuah pusat memproses kacang tanah di Pasir Mas, Kelantan. Pusat memproses koko akan didirikan di Hilir Perak dan Sabak Bernam. Pusat memproses kerepek pisang akan didirikan di Batu Kurau, Perak; di Jerantut, Pahang dan Ulu Kelantan. Kilang memproses minyak kelapa akan didirikan di Hilir Perak, Bachok dan di Sabah. Pusat memproses lada hitam sedang didirikan di Kuching, Sarikei dan Johor Bahru. Mengenai pusat-pusat pemasaran pula, 32 pusat pemasaran telah diluluskan untuk didirikan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, 16 akan didirikan dalam tahun ini juga dan 16 lagi akan didirikan dalam tahun hadapan. Pusat pemasaran yang akan mula didirikan ialah di Tanjung Karang yang tendernya telahpun diberikan. Pusat Pemasaran yang kedua yang akan didirikan ialah di Sri Gading, Batu Pahat, Johor. Tuan Yang di-Pertua, untuk menuduh bahawa FAMA tidak mempunyai rancangan pemasaran maka adalah sudah terlalu dan banyak daripada keterangan ini memang telah ada tersebut dalam Buku Rancangan Lima Tahun Malaysia Ketiga yang telah pun diberikan kepada tiap-tiap Ahli Yang Berhormat. Jadi, saya berharap Ahli Yang Berhormat tersebut tidaklah menuduh dengan melulu sahaja mengatakan bahawa FAMA tidak ada rancangan.

Satu lagi masalaahnya yang harga terumbang-ambing ialah hasil pertanian yang bergantung kepada pasaran luar negeri seumpama koko. Jadi kalau harga di luar negeri jatuh maka walau macam mana banyak FAMA beli sekali pun harga pasaran

tetap jatuh kerana kita bergantung kepada pasaran luar negeri. Patut juga saya sebutkan di dalam Dewan ini hanya 5% sahaja daripada hasil pengeluaran koko kita ini dipergunakan di dalam negeri, 95% daripadanya kita eksport keluar negeri. Kalau harga di pasaran dunia naik maka akan naiklah harga koko kita, kalau harga di pasaran dunia jatuh maka jatuhlah harga koko kita. Jadi dalam bidang ini untuk meninggikan harga barang-barang seumpama koko dan sebagainya ini maka FAMA tidak mempunyai kekuasaan penuh kerana kekuasaan penuh bagi menentukan harga itu ialah di tangan pasaran dunia. Apa yang FAMA mampu buat ialah mengurangkan atau menghapuskan unsur orang tengah, yakni harga di pasaran tempatan dapat dinaikkan jika keuntungan daripada harga itu yang biasanya didapati oleh orang tengah berpindah kepada tangan petani-petani. Dengan demikian ini berertilah bahawa peranan FAMA adalah terbatas kepada faktor-faktor ekonomi yang di dalam dan di luar kekuasaan negara kita. Jadi saya berharap perkara ini disadari oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum membuat tuduhan-tuduhan yang agak terlalu. Sepanjang yang saya tahu Pegawai-pegawai FAMA adalah menjalankan tugasnya dengan penuh didikasi. Di dalam siri lawatan saya ke negeri-negeri dan daerah-daerah saya dapati mereka itu menjalankan tugas dengan baik dan penuh didikasi, kalau adapun yang malas itu hanya golongan terkecil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kanowit mencadangkan supaya satu kawasan tanah itu ditanam dengan satu jenis sahaja tanaman, jadi idea ini terlalu umum. Kalau dimaksudkan ialah ada semacam kawasan yang regional iaitu kawasan yang sesuai untuk padi ditanam padi dan kawasan yang sesuai untuk kelapa ditanam kelapa. Ini memanglah secara amnya kita menuju ke arah ini. Tetapi dalam pada itu pun kita berharap supaya petani-petani itu tidaklah semata-mata bergantung kepada satu-satu crop, bahayanya atau risk adalah besar. Misalnya bagi pekebun-pekebun kecil kelapa, di bawah pokok-pokok kelapa ini memang kita galakkan supaya diadakan tanaman-tanaman selingan seumpama kopi, koko dan juga ternakan yang lain. Gunanya ialah untuk menambah pendapatan di atas tanah-tanah yang ada itu dan juga untuk mendaiversifikan risk. Kalau sekiranya harga

kelapa pada satu-satu masa jatuh, kalau harga koko tidak jatuh maka adalah semacam insuran kepada petani-petani itu. Kalau kita hendak dokmatit sahaja satu kawasan tanah hanya satu jenis tanaman maka ini akan merugikan petani-petani itu sendiri. Jadi dalam bidang ini memanglah pihak Kementerian sedar akan masalaahnya dan dasar yang kita ambil ialah dasar yang pragmatik yang dikira paling menguntungkan petani-petani dan juga mengurangkan risk bagi petani-petani itu kalau sekiranya satu-satu hasil tanaman itu jatuh harganya. Begitu juga di kawasan-kawasan padi, walaupun tanah itu padi ada kalanya, terutama sekali tanah yang bekalan air tak cukup maka digalakkan petani-petani itu bertanam dengan tanaman-tanaman lain seumpama tembakau, kacang tanah dan lain-lain lagi. Jadi kalau kita hendak mengadakan polisi satu kawasan tanah itu satu sahaja cara tanaman maka ini adalah merugikan petani-petani.

Berkenaan dengan pemasaran hasil-hasil pertanian beliau cadangkan patut dijalankan koperasi. Yang sebenarnya inilah matlamat akhir Kerajaan yakni yang mengendalikan pemasaran petani-petani itu seharusnya petani-petani itu sendiri. Tetapi untuk sementara waktu ini, sementara petani-petani kita menjadi kuat, teratur, terpinpin dan juga mampu menjalankan kegiatan-kegiatan maka Lembaga Pertubuhan Peladang, FAMA dan lain-lainnya adalah menolong menjalankan kegiatan pemasaran. Kalau sekiranya koperasi-koperasi peladang ini telah buat dan boleh mampu menjalankannya maka saya tidak berhalang sama sekali bahkan paling gembira supaya pemasaran ini dijalankan oleh koperasi-koperasi sendiri. Tetapi menunggu waktu bilakah koperasi-koperasi kita ini mempunyai kemampuan maka itulah kegiatan-kegiatan L.P.P., FAMA dan lain-lain itu dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Kimanis menyatakan iaitu Sabah masih lagi mengimpot beras, negeri itu belum lagi ada rancangan perairan yang besar untuk tanaman dua kali dan harga beras mahal jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia, pengeluaran padi perlu ditambah dan lain-lain lagi. Beliau meminta agar Sabah dimasukkan dalam Banci Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kedua seluas 18,850 ekar tanah di

Sabah telah diberikan kemudahan perairan untuk tanaman padi dua kali setahun. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini projek perairan akan diteruskan dan dijangka seluas 13,700 ekar lagi tanah akan mendapat kemudahan perairan untuk tanaman padi dua kali setahun. Di antara projek-projek yang akan dijalankan itu termasuklah di Papar, Tuaran, Terusan Sapi, Penampang, Bangkoka, Trans Penggalan dan lain-lain.

Mengenai banci pertanian maka sukacitalah saya menyatakan bahawa banci pertanian itu bukan sahaja dihadkan di Semenanjung Malaysia ini tetapi juga meliputi Sabah dan Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar mencadangkan pinjaman \$5,000 ke bawah yang dibuat oleh petani kepada Bank Pertanian tidaklah dikenakan cagaran dan beliau juga mencadangkan permohonan pinjaman bagi kurang daripada \$5,000 tidak perlu diluluskan oleh Jawatankuasa Bank dan memadai dilakukan oleh pegawai bank sahaja. Saya sukalah menjelaskan di sini, Bank Pertanian tidak dapat melonggarkan lagi syarat pinjaman dengan tidak ada cagaran melainkan pinjaman sekim kredit jangka pendek.

Bagi pengeluaran padi cagaran yang dimaksudkan itu adalah berupa cagaran tanah. Selain daripada itu, Bank Pertanian juga boleh menimbangkan permohonan pinjaman dengan jaminan daripada orang-orang perseorangan atau pertubuhan seumpama Koperasi Peladang dan sebagainya sebagai ganti cagaran tanah.

Bagi sekim kredit jangka pendek pengeluaran padi bayaran pinjaman akan dibuat oleh petani selepas satu-satu musim.

Kuasa bagi meluluskan pinjaman yang kurang daripada \$5,000 itu memang telah diberikan kepada Pengurus Bank Pertanian Cawangan. Bagi pinjaman yang melebihi \$5,000 akan dirujuk untuk kelulusan kepada Ibu Pejabat Bank di Kuala Lumpur.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus meminta supaya dikukuhkan lagi kekuasaan Jabatan Perikanan tentang merondai laut oleh kerana gangguan ke atas nelayan-nelayan kita.

Berkenaan dengan perkara ini, memanglah benar iaitu pada masa sekarang ini kuasa patrol kita itu agak kurang jika dibandingkan dengan masalah yang perlu dihadapi di laut

terutama sekali di tepi-tepi pantai di perairan kita. Yang sebenarnya saya telahpun mengarahkan pegawai di dalam Kementerian Pertanian supaya mengkaji apakah yang sebenarnya perlu untuk dikuatkan lagi supaya kawalan ke atas perairan kita ini dapat lebih cekap lagi, lebih kuat sehingga nelayan-nelayan kita dapat melindungi kepentingan mereka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus juga meminta diberi peluang kepada pembina-pembina bot di negeri Trengganu yang sekarang ini sudah mampu membina bot-bot aluminium dalam rancangan Kerajaan untuk menambah bilangan bot-bot nelayan. Perkara ini adalah mendapat perhatian. Jabatan Perikanan menempah bot-botnya daripada pembina bot-bot MARA dan bengkel bot ada juga memberi sub-contract kepada pembina-pembina bot lain untuk menolong membina bot untuknya. Oleh itu terpulanglah kepada Limbungan Bot MARA itu sekiranya hendak memberikan sub-contract kepada pembina-pembina bot tempatan khasnya di Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerai menyeru Kerajaan menubuhkan Tabung Modal Pusingan sebanyak \$50,000,000 bagi mengatasi masalah hutang piutang di kalangan petani. Saya sukalah menjelaskan di sini, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Lembaga Pertubuhan Peladang (L.P.P.) telah diberikan peruntukan sebanyak \$10.8 juta sebagai modal pusingan bagi membolehkan koperasi-koperasi peladang mengedarkan bahan-bahan kimia, bahan-bahan tanaman (planting material) dan menjalankan kegiatan pemasaran hasil pertanian. Peruntukan ini adalah sebagai tambahan kepada peruntukan sebanyak \$4.2 juta yang telah disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Tujuannya ialah bagi mewujudkan petani-petani terutama sekali ahli-ahli koperasi peladang untuk mengelakkan mereka itu daripada cengkaman orang tengah.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta diadakan sekim insuran pertanian untuk melindungi petani-petani daripada kerugian yang dialami ketika kemarau ataupun lain-lain bencana alam. Buat masa ini Kementerian Pertanian belum lagi ada rancangan tersebut. Syor ini adalah suatu syor yang implikasinya amat besar dari segi kewangan dan lain-lain. Kalau sekiranya petani-petani ditimpa malapetaka seperti kemarau atau banjir yang

dahsyat maka bantuan-bantuan dalam berbagai bentuk bolehlah ditimbang dan diberikan oleh Kementerian Pertanian dan juga agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani menyeru diteruskan subsidi baja, pemberian kredit dan khidmat nasihat kepada kaum petani dan nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan subsidi baja urea telah diberhentikan. Tetapi di bawah rancangan subsidi input dan memperbagaikan pertanian di bawah kelolaan Jabatan Pertanian Persekutuan dan disalurkan melalui Jabatan Pertanian Negeri, beberapa bantuan subsidi input seperti bahan tanaman, racun serangga dan baja adalah diberikan kepada petani-petani untuk memperbagaikan tanaman bagi meninggikan pengeluaran dan menambahkan pendapatan. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga subsidi-subsidi tersebut itu adalah berjumlah sebanyak \$67.07 juta yang diuntukkan.

Rancangan pembangunan pekebun-pekebun kecil kelapa pula akan diteruskan di Semenanjung Malaysia di bawah kelolaan Jabatan Pertanian. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini peruntukan sebanyak \$62.3 juta telah disediakan. Di samping itu, Lembaga Pertubuhan Peladang juga mengeluarkan beberapa jenis bantuan subsidi dan kredit. Sekim subsidi nelayan adalah diteruskan di bawah kelolaan Jabatan Perikanan. Jabatan Perkhidmatan Haiwan juga mengeluarkan subsidi dan bantuan seperti ternakan lembu, kerbau, ayam, kambing biri-biri dan lain-lain lagi. Dengan demikian, maka berertilah bahawa bantuan-bantuan subsidi adalah diteruskan sekadarkan perbezaannya sedikit-sedikit berubah cara-caranya dan juga kadang-kadang namanya diubah, tetapi bantuan subsidi bagi petani-petani dan nelayan-nelayan itu bukan dikurangkan atau dihapuskan, malahan ditambah jauh lebih banyak daripada di dalam Rancangan Malaysia Lima tahun yang kedua dahulu.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang mencadangkan supaya ditubuhkan di Kementerian Pertanian satu yunit perhubungan untuk mengatasi masalah petani-petani dan menjadi saluran perantaraan di antara petani-petani dengan Kerajaan dan sebaliknya.

Sukacita saya memaklumkan di sini bahawa di Kementerian Pertanian telahpun ditubuhkan baharu-baharu ini satu Yunit Perhubungan Perkembangan (Extension Liaison

Yunit, di bawah Jabatan Pertanian dengan tujuan untuk menghubungkan hasil-hasil penyelidikan supaya dapat disampaikan kepada petani-petani dengan sebaik-baiknya dan begitu juga apa-apa diperlukan oleh petani-petani itu disampaikan balik kepada Jabatan Pertanian dan terus kepada penyelidikan. Jadi Extension Liaison Yunit ini sudahpun kita tubuhkan dan diharap semakin lama ia akan berjalan semakin besar dan dengan demikian dapat memberikan faedah yang baik kepada petani-petani.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau mengesyorkan supaya pukut tunda dibenarkan sejauh 7 batu ke atas. Berkenaan dengan hal ini, saya sukacita menyatakan bahawa sebagaimana yang telah saya sebutkan beberapa kali iaitu oleh kerana pukut tunda di kawasan-kawasan tepi pantai ini memusnahkan atau menghancurkan sumber perikanan, maka Kementerian Pertanian khasnya Jabatan Perikanan tidak lagi mengeluarkan lesen-lesen pukut tunda yang baru bagi kawasan perairan daripada pantai sehingga 12 batu. Lesen-lesen yang ada itu adalah kita biarkan untuk sementara waktu sehingga kita dapat mencari huraian yang sebaik-baiknya untuk mengatasi masalah pukut-pukat tunda yang ada, yang menangkap ikan di tepi-tepi pantai yang memusnahkan sumber-sumber ikan.

Saya sukacita mendapati bahawa pandangan Ahli Yang Berhormat itu adalah sejajar dengan pandangan Kementerian sekadar beliau berkata 7 batu dan Kementerian berpendapat 12 batu.

Ada Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya tanaman tembakau itu diberhentikan dan digantikan dengan tanaman koko sahaja kerana katanya tembakau itu merosakkan kesihatan dan seterusnya. Saya berharap Ahli Yang Berhormat itu faham akan implikasi cadangan itu. Ramai petani kita bergantung kehidupannya dengan tembakau dan bukan semua tanah yang ditanam dengan tembakau itu sesuai untuk ditanam koko. Kalau kita tak tanam dengan tembakau sedangkan tanaman koko tak sesuai, jadi apakah yang hendak ditanam di situ? Kadangkala kalau hendak ditanam padi semusim atau semusim setengah lagi, bekalan air tidak cukup. Sedangkan tembakau mendatangkan pendapatan yang lumayan bagi petani dan kalau kita hendak tanam koko, maka tanah itu tak sesuai. Oleh itu, syor Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson itu adalah satu syor yang tidak praktikal dan saya fikir tak dapat ditimbang oleh Kerajaan.

5.11 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan ini yang telah mengambil perhatian dengan menimbulkan beberapa soal dan masalah berkenaan dengan Kementerian saya. Berkaitan dengan cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani berkenaan bantuan persatuan belia dan padang bola sepak di kawasan beliau, di sini sukalah saya memberi sedikit penerangan tentang dasar Kementerian saya berkaitan dengan bantuan-bantuan yang diberikan kepada pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan belia. Dasar Kementerian saya tentang bantuan kepada pertubuhan dan persatuan belia adalah dibahagikan kepada dua jenis:

- (a) Bantuan pentadbiran yang diberikan kepada pertubuhan belia kebangsaan untuk membantu mereka menjalankan pentadbiran dengan lebih licin;
- (b) Bantuan yang diberikan berasas kepada projek-projek dalam berbagai bidang seperti ekonomi, sosial, kebudayaan, sukan dan lain-lain yang dijalankan oleh persatuan-persatuan belia di peringkat kebangsaan atau tempatan untuk kepentingan ahli-ahlinya, masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu di daerah Kuala Muda termasuk kawasan Sungai Petani, Kedah, pada tahun 1976 bantuan seperti berikut telah diberikan kepada persatuan-persatuan belia:

- (a) Untuk projek belia peladang bantuan sebanyak \$5,000 telah diberikan kepada Persatuan Belia Sembeling.
- (b) Untuk projek belia perniagaan bantuan sebanyak \$5,000 telah diberikan kepada Persatuan Belia 4B Sungai Petani untuk membuka sebuah restoran.
- (c) Untuk projek-projek kecil bercorak ekonomi bantuan sebanyak \$10,140 telah diberikan kepada persatuan-persatuan belia di daerah Kuala Muda.
- (d) Bantuan sebanyak \$1,490 telah diberikan kepada persatuan-persatuan belia di Sungai Petani untuk menjalankan projek perniagaan kecil, perusahaan dan bengkel-bengkel.

(e) Untuk alat-alat sukan, 4 buah persatuan belia di daerah Kuala Muda telah menerima bantuan sebanyak \$760.

Maka dengan perangkaan yang telah diberikan pada tahun 1976, jika dibandingkan dengan daerah-daerah atau kawasan-kawasan lain, persatuan-persatuan belia di kawasan Sungai Petani telah menerima bantuan yang banyak sekali di negeri Kedah. Mengikut perangkaan yang ada sekarang di daerah Kuala Muda mempunyai 56 buah persatuan belia dengan keahlian seramai 4,070 orang. Walau bagaimanapun ini telah menunjukkan satu kejayaan persatuan-persatuan belia di kawasan Sungai Petani yang telah menjalankan projek-projek ekonomi yang baik itu. Kementerian saya sangat menggalakkan projek-projek ekonomi yang boleh dijalankan oleh persatuan-persatuan belia. Berhubung dengan permohonan padang bola sepak, sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh memberi butir-butir bolehlah Kementerian saya menimbangkannya.

5.15 *ptg.*

Setiasaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Perua, saya mohon izin bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, untuk memberi penjelasan atas beberapa perkara yang telah ditimbulkan serta menyampaikan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan berguna berhubung dengan dasar luar dan tugas-tugas Kementerian Luar Negeri. Saya tidak bercadang menjawab pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu satu persatu, tetapi akan cuba menghuraikan beberapa perkara pokok yang difikirkan penting yang telah ditimbulkan oleh kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas dan beberapa orang Ahli yang lain telah menimbulkan perkara perhubungan Malaysia dengan negara-negara luar, terutama dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara sendiri, di mana terdapat beberapa negara di Indochina yang mempunyai pegangan ideologi yang berlainan dengan kita. Adalah menjadi tujuan dan matlamat Malaysia untuk berusaha bagi mengujudkan keamanan dan kesetabilan di Asia Tenggara. Sungguhpun terdapat perbezaan dalam sistem sosial dan politik negara-negara di rantau ini, kita percaya keamanan dan kesetabilan dapat dicapai melalui hubungan persahabatan dan

kerjasama yang membina berdasarkan kepada hormat menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan negara, tidak mencampuri dan tidak melibatkan diri di dalam hal ehwal dalam negeri masing-masing. Oleh itu asas utama dalam mencapai cita-cita ini ialah dengan meningkatkan lagi hubungan antara dan di kalangan pemimpin semua negara-negara di rantau ini. Ini adalah perlu memandangkan bahawa melalui hubungan seumpama ini akan dapat menghasilkan persefahaman serta menyedari perasaan, perkara-perkara sensitif dan masalah-masalah antara satu sama lain. Yang terpenting sekali ialah kita berusaha mengelakkan timbulnya sebarang salah faham di antara dan di kalangan kita sendiri di rantau ini. Malaysia yakin bahawa dengan adanya hubungan rapat di kalangan pemimpin-pemimpin Asia Tenggara akan dapat meluaskan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama di kalangan negara-negara di rantau ini. Oleh yang demikian Malaysia akan berusaha bersungguh-sungguh dalam menggalakkan dan mengujudkan hubungan baik antara pemimpin-pemimpin kita dengan pemimpin-pemimpin Asia Tenggara yang lain termasuk pemimpin-pemimpin negara Indochina.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah juga memberi ulasan atas perkara-perkara yang bersabit dengan ASEAN. Saya suka menjelaskan bahawa selaras dengan dasar luar negeri kita untuk mengekalkan persefahaman dan kerjasama serantau bagi kebaikan bersama negara-negara di rantau ini, Kerajaan telah terus mengambil bahagian yang penuh dalam usaha-usaha kerjasama serantau ASEAN, bersama-sama dengan Kerajaan negara-negara ahli ASEAN yang lain. Kerajaan kita menyambut baik kemajuan dan perkembangan yang dicapai oleh ASEAN dalam rancangan-rancangan yang sedang dilaksanakan itu, iaitu dalam bidang ekonomi, kebudayaan, sosial, perhubungan dan lain-lain. Kerajaan kita menyambut baik dasar ASEAN, iaitu di samping usaha mempereratkan lagi pertalian di antara satu sama lain di kalangan negara-negara ahlinya, ianya juga memberi keutamaan untuk menjalin hubungan rapat dengan negara-negara sahabat dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa. Dengan cara ini kita akan terus memperteguhkan kedudukan ASEAN di dalam forum-foram antarabangsa dan di dalam sebarang usaha bersama bagi mengatasi masalah bersama, untuk faedah bersama.

5.19 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menjawab beberapa pertanyaan yang timbul hasil dari perbincangan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Kementerian saya khususnya yang menyentuh tentang masalah penggunaan dadah di negara. Bagi permulaan, sukacita saya menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang meminta supaya Kerajaan menjadikan penagihan sebagai salah satu daripada kesalahan-kesalahan di sisi undang-undang. Beliau telah tidak puas hati dan menyatakan bahawa masanya telah sampai bagi Kerajaan menjadikan penagihan dadah itu salah satu daripada jenayah-jenayah yang terdapat di bawah undang-undang.

Perluah diterangkan bahawa setakat ini penagihan sahaja atau addiction persay tidak berupa satu kesalahan criminal tetapi hanya berupa satu kesalahan dari segi sociology atau kemasyarakatan dan oleh itu tidak wajar setakat ini mengiktiraf penagihan itu sebagai salah satu daripada jenayah yang dilakukan.

Cubalah kita gambarkan sekiranya seseorang itu dijadikan seorang pesalah dengan hanya menagih, maka beribu-ribu para belia dan orang muda yang terlibat dengan penagihan dadah pada masa ini akan tercela rekod-rekod mereka dan oleh itu akan melibatkan peluang yang terhad bagi mereka untuk memohon pekerjaan-pekerjaan dan peluang-peluang bagi diri mereka pada masa-masa akan datang.

Tambahan pula, Tuan Yang di-Pertua, hanya untuk menjadikan satu kesalahan terhadap penagih-penagih tidaklah mencukupi dari segi pertimbangan undang-undangnya. Secara kebetulan sekiranya seseorang itu terdapat pada dirinya beberapa bahan dadah, umpamanya heroin atau morphine maka apabila sabit kesalahan atau terbukti ia menyimpan barang-barang tersebut maka baharulah berkuatkuasa sesuatu kesalahan itu untuk ditentukan atau diperiksa dengan sehabis-habisnya. Dengan adanya kuasa-kuasa tertentu menerusi pindaan-pindaan kepada Ordinan Dadah Merbahaya yang

diluluskan oleh Dewan ini dalam persidangannya pada bulan Disember yang lalu, seseorang yang disyaki menagih dadah bolehlah dikemukakan oleh Pegawai Polis, Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Pegawai Biro Narkotik; ke Pusat-pusat Penentuan atau Detection Centre. Jika penagihnya memerlukan rawatan atau pemulihan maka seseorang itu bolehlah dimasukkan ke mana-mana Pusat Pemulihan yang diiktiraf di negara ini.

Sukacita saya menyebut kembali beberapa penentuan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am ketika membentangkan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan). Dalam perenggan (a) beliau menyatakan iaitu salah satu daripada tujuantujuan yang terkandung di dalam pindaan tersebut ialah mewajibkan seseorang yang disyaki menjadi penagih dadah itu menerima pemeriksaan perubatan dan boleh dihukum jika ia enggan menerima pemeriksaan itu. Dengan penerangan ringkas ini, maka terjawablah soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan juga perasangka yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak yang menyatakan bahawa Kerajaan tidak bersikap tegas dalam soal untuk mengemukakan masalah-masalah ini secara serious.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah menyebut beberapa kesulitan yang timbul akibat dari perkara-perkara yang berlaku di kalangan murid-murid sekolah bersabit dengan penyalahgunaan dadah. Oleh kerana soalan ini telahpun dijawab pada hari semalam oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, maka saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi terhadap penjelasan beliau itu. Cuma sebagai satu penjelasan am, antara Persatuan Mencegah Penyalahgunaan Dadah dan Kementerian Pelajaran telahpun diadakan suatu rangka kerjasama yang erat di mana sekimsekim pencegahan dan juga didikan adalah ditaja oleh Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan khusus untuk mengatasi masalah ini dan seorang pegawai dari Kementerian Pelajaran adalah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Khas ini bagi menentukan apakah langkah-langkah positif yang perlu diambil dan dijalankan dari masa ke masa bagi mengatasi masalah penagihan di sekolah.

Adalah diakui iaitu keadaan penagihan di sekolah agak berbeza daripada keadaan penagihan di kalangan masyarakat biasa.

Oleh itu pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh pakar-pakar ilmu jiwa seperti yang terdapat di Kementerian tersebut adalah setakat ini masih dipertanggungjawabkan.

Kerajaan dengan pindaan-pindaan kepada Ordinan Dadah Merbahaya baharu-baharu ini akan dapat pula menyelesaikan sebahagian besar masalah rawatan dan pemulihan serta penguatkuasaan.

Berhubung dengan koordinasi yang tidak ada sepertimana yang dirasakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, maka sukalah saya menerangkan sedikit sebanyak mengenai fungsi-fungsi mengatasi masalah penyalahgunaan dadah di negara. Pertamanya, di negara kita terdapat suatu Jawatankuasa Kabinet mengenai salahguna dadah iaitu Jawatankuasa yang tertinggi atau kuasa yang tertinggi di negara ini bagi menentukan jalan-jalan dan langkah-langkah yang perlu dilalui dan diambil oleh pihak-pihak tertentu dalam menyelesaikan masalah ini. Jawatankuasa Kabinet ini adalah dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan di bawah kepimpinan beliau adalah didapati koordinasi yang terdapat pada masa ini adalah memuaskan.

Di bawah Jawatankuasa Kabinet berkenaan terdapat pelbagai Jawatankuasa-jawatankuasa kecil, Badan-badan Penyelaras, Jabatan-jabatan dan juga fungsi-fungsi menerusi Kementerian-kementerian. Jawatankuasa Penasihat mengenai Penyalahgunaan Dadah adalah dianjurkan di bawah Jabatan Biro Narkotik dengan naungan Kementerian Undang-undang.

Di bawah Kementerian Kebajikan Am pula terdapat pelbagai urusan dan projek pemulihan serta rawatan yang dilaksanakan buat masa ini. Pihak Polis, Pusat Biro Narkotik dan Kastam juga adalah menjalankan segala ikhtiar dari segi penguatkuasaan dan setakat ini usaha-usaha mereka ini adalah memberi kesan.

Tidak berapa lama lagi Negeri Kelantan dan Negeri Perak akan beroleh Pusat Biro Narkotik Cawangan masing-masing dan dengan yang demikian sebahagian besar dari masalah-masalah penguatkuasaan di negeri itu akan dapat diatasi.

Di atas segala ini pula, Tuan Yang di-Pertua, terdapatlah usaha-usaha dari segi kegiatan-kegiatan oleh PEMADAM atau Persatuan Menegah Salahguna Dadah dan Persatuan ini nampaknya dengan penglibatan sendiri dari Ahli Yang Berhormat dari

Setapak telah mendapat kejayaan dari satu segi kepada segi yang lain dan pada hari ini hampir-hampir kesemua negeri di Semenanjung adalah mempunyai cawangan PEMADAM masing-masing di peringkat negeri dan sebahagian besar dari daerah-daerah di negara kita telahpun menubuhkan cawangan kecil PEMADAM masing-masing.

Adalah diharapkan iaitu dengan penglibatan persatuan ini kebencian masyarakat terhadap penyalahgunaan dadah dan juga tekad yang positif bagi membantu Kerajaan, bangsa dan negara kita akan terus dapat dijalankan. Pada masa ini Kerajaan mendapati bahawa struktur penguatkuasaan yang sedia ada adalah memadai dan dengan adanya projek tertentu dan tambahan di bidang pemulihan dan penyeliaan oleh Kementerian Kebajikan Am dalam Rancangan Malaysia Ketiga masalah salahgunaan dadah adalah dipercayai akan dapat diatasi sama sekali. Oleh itu penubuhan Suruhanjaya di Raja mengenai Penyalahgunaan Dadah seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak itu belum dapat ditimbang oleh Kerajaan oleh kerana Jawatankuasa Kabinet yang menyelia dan mengkoordinasikan segala usaha-usaha ini didapati efektif dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada lagi jawapan bagi pihak Yang Berhormat Menteri-menteri, saya akan kemukakan Usul untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketika Parlimen Yang Keempat”.

**URUSAN MESYUARAT DAN
PENANGGUHAN
(USUL)**

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) urusan-urusan yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan dan Majlis ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) urusan-urusan yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan dan Majlis ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Khamis, 31hb Mac, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.